



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1797]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

[Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 1833]

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.  
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,  
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL  
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P.,  
P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam  
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.  
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,  
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.  
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.  
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

- Yang Berhormat DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Terengganu).
- ” DATO’ SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- ” DATO’ ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” DATO’ HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- ” DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- ” DATO’ KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- ” TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- ” TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- ” DATO’ HAJI MAHMOUD *alias* Mahmoud Salim bin Haji MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- ” TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATO’ HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO’ HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN M. MUTHU PALANIAPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N., (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAAKOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD.P.S.M.(Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Jumaat, 11hb Disember, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad.

**Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang pertama.

*(Menteri/wakil Menteri tidak hadir untuk menjawab soalan)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama dua puluh minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 2.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.55 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

FELDA GUGUSAN TAIB ANDAK

**1. Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) sebab-sebab mengapa kilang-kilang kelapa sawit rancangan FELDA Gugusan Taib Andak, Johor Bahru tidak berkemampuan memproses

kelapa sawitnya hingga menyebabkan kerugian besar kepada peneroka di situ;

(b) sama ada perjanjian ada dibuat di antara FELDA-FELDA di seluruh Semenanjung Malaysia yang membolehkan kilang satu rancangan memproses buah-buah dari rancangan lain; dan

(c) sama ada perjanjian yang sama boleh dibuat dengan kilang-kilang swasta.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan yang pertama adalah seperti berikut:

(a) Gugusan Taib Andak mengandungi 5 rancangan, iaitu Rancangan Taib Andak, Bukit Besar, Ulu Tebrau, Bukit Ramon dan Pasir Raja dengan keluasan tanaman kelapa sawit berjumlah 25,500 ekar. Kawasan ini mempunyai 2 buah kilang kelapa sawit, iaitu Kilang Kulai dan Kilang Bukit Besar. Tiap-tiap kilang tersebut mempunyai keupayaan memproses maksima 36 tan satu jam atau 600 tan sehari dan mempunyai keupayaan yang cukup bagi memproses buah-buah kelapa sawit yang dihantar oleh peneroka-peneroka. Pada tahun 1980 penerimaan buah tandan baru kelapa sawit tertinggi oleh Kilang Kulai ialah sebanyak 13,810 tan daripada bulan Julai, sedangkan yang terendah sebanyak 7,073 tan pada bulan Mac, iaitu satu perbezaan lebih daripada 50%. Begitu juga Kilang Bukit Besar perbezaan di antara bulan terendah

dengan bulan tertinggi ialah 53%. Di samping itu penerimaan harian juga tidak tetap, berbeza di antara satu hari dengan satu hari. Di musim buah kemuncak, penerimaan buah tandan baik kadangkala melebihi kemampuan dan keupayaan kilang berkenaan untuk memprosesnya. Apabila keadaan ini berlaku FELDA akan menghantar buah-buah yang berlebihan ke kilang-kilang FELDA yang lain. Jika kilang-kilang FELDA yang lain juga tidak dapat menerimanya, FELDA akan menjualkan kepada kilang swasta, FELDA tidak boleh menolak buah sawit yang dihantar oleh peneroka, oleh itu kerugian yang ditanggung oleh peneroka tidak berbangkit sama sekali.

- (b) Perjanjian tidak perlu diadakan untuk pengambilalih kelapa sawit daripada satu kilang ke satu kilang FELDA yang lain dan perkara ini dilakukan sekiranya kilang berhampiran boleh menerima buah tambahan tersebut. Sebenarnya, kerumitan yang didapati oleh setiap kilang FELDA semasa pengeluaran buah yang maksima ialah kekurangan kemampuan bagi memproses buah kelapa sawit yang berlebihan.
- (c) Jika semua kilang FELCRA tidak berkemampuan untuk memproses buah tandan baik dari rancangan-rancangan FELDA maka buah berlebihan itu akan dijual kepada kilang swasta berdasarkan kepada kemampuan mereka membeli dengan harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, perjanjian tidak dibuat. Apabila keperluan kemudahan memproses mendesak, jualan akan dilakukan supaya semua buah tandan baik yang dihantar ke peneroka dapat diterima oleh kilang.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Soalan tambahan. Pertama, tidakkah tiap-tiap rancangan FELDA kelapa sawit yang melebihi luasnya dari 10,000 ekar itu dimestikan ada kilang memproses. Kedua,

berapakah luas tiap-tiap satu rancangan FELDA menanam kelapa sawit itu yang mesti ada kilang memproses kelapa sawit itu.

**Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tidakkah semestinya tiap-tiap rancangan mendirikan ataupun didirikan kilang memproses kelapa sawit itu dan kilang itu didirikan berdasarkan banyak buah yang dihasilkan oleh setiap rancangan FELDA. Demikian juga masalah yang kedua, penelitian dibuat berdasarkan pengeluaran secara pukul-rata oleh kerana pengeluaran hasil atau buah maksima ataupun peak season tidakkah berlaku sepanjang tahun melainkan beberapa kali sepanjang tahun. Oleh yang demikian, keadaan yang ada pada hari ini adalah difikirkan sesuai dengan kedudukan pengeluaran yang ada. Walaupun demikian, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya ingin menambah beberapa soalan lagi, sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu kelapa sawit itu kebanyakannya ialah kepunyaan FELDA yang boleh dikatakan ada dalam tiap-tiap negeri sama ada di pantai timur ataupun pantai barat. Jadi tidakkah pihak FELDA sedar bahawa udara di pantai timur berlainan sekali dengan udara di pantai barat. Kalau sekiranya buah kelapa sawit itu menjadi di pantai timur boleh jadi tidak menjadi di pantai barat. Begitulah sebaliknya. Maka pada masa pihak FELDA itu di mana-mana negeripun di dalam Malaysia ini menanam kelapa sawit kenapa tidak dibuat perjanjian di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain, lebih-lebih lagi FELDA di pantai timur dengan FELDA pantai barat kalau sekiranya berlaku kelimpahan atau kelebihan buah-buah itu, maka boleh FELDA yang satu lagi itu menanggung atau menerima buah itu.

Kedua, sebagaimana yang dikatakan tadi FELDA Gugusan Taib Andak ini luasnya 25,000 ekar ada mempunyai dua kilang. Jadi siapapun boleh cukup sifir atau dengan dharab, bererti 25,000 ekar sekurang-kurangnya 10,000 ekar satu kilang sekurang-kurangnya tetapi sengaja dibuat dua kilang sahaja maka dua buah kilang itu boleh menampung pada masa berbuah musim biasa

sahaja atau masa buah itu tidak menjadi. Apa yang berlaku pada beberapa bulan yang lepas, apakala buah kelapa sawit itu sudah melimpah-limpah di rancangan itu, maka tersiarlah di dalam akhbar berita-berita yang sangat anih, berita yang menyedihkan peneroka itu sendiri iaitu buah itu tidak diterima oleh FELDA Gugusan Taib Andak dengan sebab kilang kelapa sawit tidak dapat memproses. Jadi yang menanggung kerugian ialah peneroka, bukannya pihak kilang, kemudian di dekat itu ada kilang-kilang swasta, sekali lagi pada pendapat saya ini satu kesilapan lagi, sudahlah tidak dibuat perjanjian di antara FELDA di negeri-negeri, kenapa pula tidak dibuat perjanjian dengan swasta supaya buah yang banyak itu tidak menjadi membazir dan peneroka-peneroka tidak menanggung kerugian. Kenapa begitu? Bagaimana cara mengatasinya?

**Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat mengatakan udara ataupun iklim pantai barat itu jauh sangat bezanya dengan pantai timur, tetapi ia lebih kurang sama, cuma pantai timur itu ada musim tengkujuh. Kedua, memanglah tidak perlu kita mengadakan perjanjian di antara satu kilang FELDA dengan kerana FELDA itu satu pentadbiran, mungkin peak season ini agak terserempak dengan sebab itu keadaan ini berlaku. Apa yang berlaku dirancangan Taib Andak ini apa saya difahamkan berlaku kekecohan ini mungkin kerana salah satu daripada kilang ini sudah agak uzur, jadi dengan sebab itu pengeluaran tak berjalan, mungkin ada kerosakan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan saya sampaikan kepada Kementerian berkenaan.

### IMEJ PERDANA MENTERI DICEMARKAN

**2. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membetulkan imej dan nama baik Y.A.B. Perdana

Menteri yang telah dicemarkan oleh akhbar-akhbar di Britain berikutan dengan pembelian saham "Guthrie" oleh Pemodalan Nasional Berhad di London Stock Market;

- (b) tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membetulkan imej dan nama baik Y.A.B. Perdana Menteri berikutan dengan ketidakhadiran Y.A.B. Perdana Menteri di Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Australia baru-baru ini.

### Menteri Willayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri yang berkenaan.

- (a) benar, beberapa akhbar di Britain telah memberikan pandangan yang kurang sihat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Sebagai menyangkal tuduhan-tuduhan tersebut dan menerangkan pendirian dan kedudukan yang sebenarnya, beberapa wawancara atau interview khas telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan wartawan-wartawan dari beberapa akhbar termasuk *Financial Times*, *London Times* dan *Guardian*.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie semasa mengadakan persidangan akhbar ketika beliau berada di London pada 15hb Oktober, 1981 telah dengan panjang lebar menjelaskan hubungan di antara Malaysia dengan Britain.

Dirasakan bahawa setakat ini langkah-langkah dan tindakan yang diambil khususnya untuk menjaga nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah memadai. Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London sentiasa memberi perhatian yang mendalam dan mengawasi setiap berita yang menyentuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga negara. Pihak perwakilan tersebut telah berusaha

memberi maklumat-maklumat yang tepat mengenai perkara yang sebenarnya, terutama kepada media-massa di sana.

Ketidakhadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Australia telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu kerana urusan penting negara harus diberi keutamaan dan perhatian yang sewajarnya hendaklah diusahakan. Inilah khususnya penjelasan yang telah diberi di atas ketidakhadirannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di persidangan tersebut.

- (b) Pihak Persuruhjaya Tinggi Malaysia di Canberra dengan segera telah menyangkal di atas ketelanjangan pihak Australia Broadcasting Corporation (ABC) yang menyiarkan sesuatu yang tidak patut terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memberi penjelasan-penjelasan yang sebenarnya terhadap perkara yang berlaku. Berikutan dari itu pihak ABC sendiri telah meminta maaf dan memanjangkan rasa kesalnya terhadap kejadian yang memalukan itu kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sana. Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia telah menyampaikan rasa dukacita di atas perkara yang berlaku itu. Semasa Menteri Luar Negeri Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie mengahadiri persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel itu, beliau sekali lagi telah menjelaskan sebab ketidakhadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan tersebut.

**Dato Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sasaran menghinakan kepada Malaysia ini bukan kepada Perdana Menteri sahaja juga kepada sovereignty negara kita. Perkataan perkataan seperti "back-door nationalisation" dalam perkara 'Guthrie' ini; dan juga baru-baru ini dalam perkara ladang-ladang kelapa sawit, Dunlop mengatakan, "we can do business with anyone, tidak payah kita

peduli apa Dasar Ekonomi Baru negara itu". Kita tidakpun menjawab kata-kata British itu. Saya hendak bertanya pada Menteri yang berkenaan, apa langkah-langkah yang kita buat untuk membetulkan kejahilan Dasar Ekonomi Baru kita, yang kita cipta, yang disalahfaham oleh negara Britain.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi melalui Duta-duta kita di negara-negara yang berkenaan dan juga melalui usaha-usaha Kementerian Luar Negeri sendiri misalnya Yang Berhormat Menteri itu sendiri, langkah-langkah telah diambil untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya.

#### MESYUARAT KETUA-KETUA KOMANWEL DI AUSTRALIA— RUMUSAN

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada rumusan negara Komanwel yang diadakan di Australia baharu-baharu ini difikirkan berguna dan menguntungkan Malaysia dari segi apa sekali pun dan jika tidak menguntungkan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang keluar dari Komanwel.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Melbourne, Australia baru-baru ini perkara-perkara mustahak kepada kita ialah masalah Kampuchea, pendatang haram Indochina, masalah dadah, kenaikan yuran pelajaran, protectionism dan komoditi. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah ikut serta dalam memperbincangkan di sesi eksekutif mesyuarat tersebut untuk melahirkan cadangan dan kebimbangan kita mengenai isu-isu tersebut.

Pandangan Malaysia mengenai berbagai isu penting jelas dibayangkan dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan.

Berkenaan masalah Kampuchea, Ketua-ketua Kerajaan telah menggesa pengunduran segera semua tentera-tentera asing di wilayah negara tersebut.

Mengenai ZOPFAN, Ketua-ketua Negara Komanwel telah mengambil perhatian dan memberi persetujuan kepada usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi menjadikan satu kenyataan di Tenggara Asia.

Satu lagi sumbangan yang baik dari Malaysia ialah tentang masalah dadah dan buat kali pertamanya sidang Ketua-ketua Komanwel ini telah diakui tentang bahaya dan bencana dadah terhadap keselamatan, kestabilan dan ketahanan negara dan bahawa ianya tidak lagi menjadi satu masalah sosial, tetapi sudah menjadi masalah keselamatan dan kemungkinan menggugat kestabilan masyarakat dan negara.

Berhubung dengan protectionism, masalah kenaikan tarif ke atas bahan yang diproses seperti minyak kelapa sawit dari Malaysia dalam mana tahap tarif meningkat sejajar dengan tahap processing, ini telah diberi perhatian wajar oleh Ketua-ketua Negara Komanwel.

Satu Penal terdiri dari pakar-pakar dari Komanwel akan ditubuhkan untuk mengkaji kesan protectionism ke atas ekonomi negara-negara membangun dan menyediakan laporan juga perakuan kepada negara masing-masing menjelang Sidang Menteri GATT dalam tahun 1982.

Pada keseluruhannya deligasi dari Malaysia telah berhasil mengaturkan perkara-perkara yang kita anggap penting dan membimbangkan kita dan ini semua jelas dibayangkan dalam kenyataan bersama yang telah diterima di akhir mesyuarat itu. Kita adalah berpuas hati dengan hasil-hasil yang dicapai dari mesyuarat tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini oleh Menteri yang berkenaan, Kerajaan menganggap bahawa Pertubuhan Komanwel itu mempunyai nilai-nilai yang berfaedah, dengan itu kita tidak mempersoalkan perkara ini.

Faedah-faedah Komanwel itu dapat dilihat dari segi negara-negara ahli berpeluang

berkongsi pengalaman-pengalaman yang ideal dan bersamaan dengan kita bagi meningkatkan lagi pembangunan di dalam Komanwel melalui kerjasama dan sikap bantu-membantu dan dengan ini akan memperteguhkan lagi hubungan multi-lateral di kalangan masyarakat di negara-negara Komanwel. Oleh itu, soal bagi Malaysia menarik diri dari pertubuhan tersebut adalah tidak timbul sama sekali.

Walau bagaimanapun, kita telah membuktikan bahawa kita telah cuba berusaha sedaya-upaya ke arah kejayaan mesyuarat di Melbourne itu dan sekiranya kita mengukur kejayaan tersebut dari segi kata-kata dan rumusan-rumusan yang telah diterima dan dirakamkan di dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan ianya bolehlah dikatakan satu kejayaan. Tetapi masa depan Komanwel akan tergugat sekiranya segala keputusan-keputusan dan rumusan-rumusan yang dicapai itu tidak dilaksanakan dalam erti-kata yang sebenarnya.

Dalam hal ini Ketua Deligasi Malaysia kepada Mesyuarat itu telah menekankan bahawa kerjasama di kalangan negara-negara Komanwel akan lebih memberi makna dan manfaat sekiranya negara-negara industri yang maju menunjukkan kesanggupan untuk membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun dengan cara seperti menghapuskan segala bentuk sekatan dari segi perdagangan supaya perdagangan dapat berjalan dengan lebih lancar. Juga, negara-negara yang maju boleh mengambil langkah untuk menyusun semula sistem ekonomi yang lebih seimbang di kalangan Komanwel dan langkah begini tidak dapat tidak akan mempengaruhi negara-negara industri maju yang lain ke arah melahirkan satu peraturan ekonomi antarabangsa yang baru yang selalu diutarakan oleh negara-negara membangun dan kurang maju, dengan ini kita berharap agar sikap yang positif dapat ditunjukkan oleh negara-negara maju Komanwel. Sekiranya mereka tetap menunjukkan sikap yang negatif, objektif dan usaha-usaha meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan di antara negara-negara Komanwel tidak akan tercapai.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, di antara keputusan negara-negara Komanwel sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, satu ialah masalah Kampuchea, kedua masalah pendatang haram, ketiga masalah dadah dan yang keempat kenaikan yuran dan mungkin kelapa sawit dan lain-lain, tetapi 4 perkara ini saya pandang penting. Bagaimanapun Yang Berhormat telah menerangkan berkenaan masalah Kampuchea dan masalah minyak kelapa sawit. Saya rasa saya masih was-was apakah perbincangan dan perincian pendatang haram dalam negara ini yang telah diambil keputusan oleh Komanwel, begitu juga dadah, begitu juga kenaikan yuran yang dikenakan oleh Kerajaan British khasnya kepada penuntut-penuntut Malaysia yang begitu tinggi dan Timbalan Perdana Menteri sendiri telah merayu semasa mesyuarat di London tempoh hari supaya Menteri Pelajaran di sana mengurangkan yuran yang berpatutan kepada penuntut-penuntut dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, masalah Kampuchea sebagai yang saya sebutkan semalam ada satu perkara yang penting dan saya tidaklah hendak meniadakan usaha-usaha Kerajaan yang dinamis supaya jangan dibiarkan bahaya-bahaya mendatang dari pintu, kita hanya berpeluk tangan sahaja tetapi kita seluruh ASEAN yang dianjurkan oleh Singapura itu akan membuat satu daya usaha supaya masalah pilihan rakyat yang bukan komunis diadakan dalam Kampuchea. Saya suka bertanya adakah ini benar-benar persetujuan ASEAN supaya mendirikan Kerajaan yang bukan komunis di Kampuchea ini telah dipersetujui dan direstui oleh seluruh negara-negara di dalam Komanwel dalam ertikata yang sebenarnya. Itulah Yang pertama.

Kedua mengenai pendatang haram. Bagaimana istilah Komanwel dengan pendatang haram. Saya tahu Kerajaan-kerajaan dalam Komanwel ini tidak berapa ramai, kalau kita minta tolong ambil pendatang haram ini, tidak ada negara dalam Komanwel ini yang berani menolong secara

berkesan. Adakah keputusan Komanwel di Australia baru-baru ini, Kerajaan-kerajaan dapat bekerjasama mengurangkan beban Malaysia berkenaan dengan pendatang haram ini yang sebenarnya?

Yang ketiga fasal dadah. Apakah persetujuan negara-negara Komanwel sebenarnya yang diperinci mengenai masalah dadah ini dalam persidangan itu, adakah sama dipersetujui? Adakah membuat satu persetujuan yang konkrit berkenaan dengan membuat perhitungan supaya mengatasi penyakit dadah di seluruh Tenggara Asia ataupun di seluruh benua dalam dunia ini yang disetujui dalam persidangan Komanwel di Australia yang lalu?

Berhubung dengan yang keempat, adakah benar seperti kata Komanwel selalu membuat keputusan-keputusan yang indah-indah tetapi sebagai kata Perdana Menteri kita sangat sedikit mempraktikkan keputusan dalam persidangan-persidangan Komanwel yang telah lalu seperti yang dikatakan itu. Adakah itu benar?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu merupakan detail, jadi saya minta notis. Walau bagaimanapun secara dasarnya pandangan negara kita dan negara negara ASEAN mengenai dengan Kampuchea telahpun kita suarakan berkali-kali di mana kita mengikut prinsip dasar luar tidak boleh dan campurtangan dalam manamana satu negara. Maka itu adalah seperti yang disuarakan kita juga minta sekiranya kuasa luar keluar dari Kampuchea dan memberi peluang kepada rakyat itu sendiri untuk menentukan masa depan mereka.

Mengenai dengan masalah dadah pula, kita juga telah menyuarakan seperti yang saya katakan tadi, terpulanglah walaupun pada umumnya negara-negara berkenaan setuju dengan pendapat kita itu.

Mengenai dengan tindakan-tindakan yang diambil terhadap keputusan oleh mesyuarat

ataupun keputusan Komanwel ini seperti saya kata tadi kita telah menyuarakan iaitu keputusan-keputusan itu kalau tidak diambil tindakan secara sepenuhnya dan secara jujur oleh negara-negara yang terlibat maka ini tidaklah begitu menghasilkan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kisah Komanwel sebenarnya kita telah dengar bukan setakat satu dua bulan ini, bahkan sudah bertahun-tahun yang lalu. Apa yang terbit daripada negara membangun sekalipun jarang mengambil keputusan atau melaksanakan tindakan-tindakan yang telah diputuskan. Saya ingin bertanya, benarkah atau tidak bahawa ketua Komanwel itu khas diberi kepada Britain sahaja, padahal segala anggotanya adalah mempunyai taraf yang sama. Mengapa tidak diubahsuaikan sekarang ini? Mungkin dengan sebab itu Britain merasa dirinya berbangga lebih daripada negara lain, mungkin dengan sebab ini pula negara-negara membangun dan maju tidak mahu bekerjasama lagi dengan Komanwel.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada negeri-negeri yang maju bekerjasama atau tidak dengan negeri-negeri yang tidak maju, itu terpulang kepada tafsiran masing-masing tetapi bagi kita seperti saya katakan tadi, kita memang telah berkali-kali menegaskan bahawa apa juga keputusan yang dibuat oleh Komanwel hendaklah dilaksanakan atau dijalankan dengan berhati-hati. Kalau tidak kita rasakan keputusan mesyuarat itu adalah sebenarnya tidak tercapai.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Adakah Komanwel itu diwarisi oleh Britain sahaja?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat itu faham bahawa Komanwel itu dianggotai oleh semua negara yang menjadi ahli-ahli Komanwel.

#### SKIM ASN—TAKRIF BUMIPUTRA

4. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa masih terdapat keraguan untuk menentukan takrif Bumiputra untuk membeli dan melabur dalam saham ASN, Jika sedar nyatakan tindakan yang beliau akan ambil.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di dalam pelaksanaan Skim ASN ini terdapat beberapa perkara yang masih dipersoalkan terutamanya dari segi takrif bumiputra. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar pemilikan saham yang telah digubal menggunakan takrif individu bumiputra sebagai meliputi orang-orang Melayu, Orang Asli dan bumiputra yang lain mengikut Perlembagaan Malaysia yang menjadi Warga-negara Malaysia dan berumur 21 tahun dan lebih. Di dalam borang permohonan yang diisi oleh tiap-tiap pelabur terdapat ruang yang disediakan untuk pengakuan pemohon-pemohon bakal pelabur bahawa dia adalah seorang bumiputra seperti dalam Perkara 160 Fasal (2) dan Perkara 161A Fasal (6) dan (7) Perlembagaan Malaysia. Pemohon juga dikehendaki membuat pengakuan bahawa beliau tidak memohon unit-unit saham tersebut bagi pihak orang lain.

Dengan langkah-langkah dan tatacara tersebut di atas serta ditambah dengan publisiti dengan penerangan yang sejelas-jelasnya tentang takrif bumiputra itu oleh pihak Amanah Saham Nasional Berhad kepada orang ramai melalui media-massa maka adalah didapati amat berkesan di mana di akhir-akhir ini amatlah kurang keraguan orang ramai tentang takrif bumiputra. Kita semua telah faham dan tahu apa dan siapakah yang dimaksudkan bumiputra itu.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Apakah langkah Kerajaan mengenai kejadian menukar nama daripada 'son of' kepada 'bin' dan 'binti' yang rancak berlaku sekarang terutama kerana mengambil kesempatan daripada ASN?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ada syarat sekiranya sipembeli unit ASN ini didapati ianya bukan seorang bumiputra yang sebenar mengikut

takrif dalam Perlembagaan, maka dalam keadaan begitu jualan unit itu boleh dibatalkan.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapakah jumlah peserta dan wang yang telah dikumpulkan sehingga ke hari ini. Kedua, pecahan jantina: lelaki dan perempuan.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beri angka sampai hari ini tetapi saya boleh beri angka sampai 31hb Oktober, 1981.

Jumlah peserta sehingga 31hb Oktober, 1981 ialah 823,716 orang dan jumlah pelaburan ialah \$295,490,000. Untuk mengetahui jantina itu, saya berkehendakkan kepada notis.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh menimbangkan supaya dividen ASN ini ditambah daripada 10% kepada 12%. Ini berdasarkan kepada bank. Kalau kita menyimpan duit dalam bank jangkanya lebih. Dalam setahun dia boleh beri 11½ sedangkan simpanan kita 10 tahun ke hadapan dan jumlah bilangan wangnya sekarang lebih daripada \$240 juta. Adakah Timbalan Menteri boleh menimbangkan supaya faedah daripada saham dan pelaburan itu ditingkatkan kepada 12% mulai daripada tahun depan.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita hendak ingat bahawa dividen 10% ini sebenarnya adalah untuk masa 8 bulan bukan setahun genap. Untuk tahun hadapan untuk masa yang akan datang, jumlah peratus dividen ini boleh dikaji lagi untuk dipertingkatkan.

Satu lagi perkara yang saya hendak menarik perhatian ialah selain daripada dividen ASN juga ada mengeluarkan bonos 10%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 5 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).*

## MURID PEKAK/BISU DI NEGERI SEMBILAN

**5. Tuan M. Muthupalaniappan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat sekolah-sekolah Kerajaan bagi murid-murid pekak dan bisu di Negeri Sembilan. Jika ada bolehkah Kerajaan memberi kemudahan asrama kepada murid-murid yang tidak bernasib baik itu.

**Menteri Pelajaran (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Ya, kelas khas percantuman bagi kanak-kanak pekak terdapat di Sekolah Rendah Kebangsaan Dato Klana Maamor, Jalan Sasaran, Seremban, Negeri Sembilan. Pada masa ini terdapat seramai 59 orang kanak-kanak pekak belajar di sekolah tersebut yang diajar oleh 5 orang guru khas.

Sebuah Mini Asrama telah dibuka pada bulan September 1979 untuk kemudahan penginapan seramai 36 orang pelajar-pelajar pekak dari kawasan luar bandar. Asrama ini diselenggarakan bersama oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pelajaran Negeri.

## KANAK-KANAK DALAM JAGAAN KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

**6. Datin Hajjah Mahimon bin Haji Harun** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah bilangan kanak-kanak yang di dalam jagaan Kementerian di seluruh Semenanjung Malaysia dan daripada bilangan ini nyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak yang mempunyai kad pengenalan biru;
- (b) bilangan kanak-kanak yang mempunyai kad pengenalan merah;
- (c) bilangan kanak-kanak yang tidak dapat dikesan ibubapa dan keluarganya; dan
- (d) sama ada kanak-kanak yang mempunyai kad pengenalan merah di atas yang telah tinggal lebih daripada tiga tahun di rumah kanak-kanak tersebut boleh diambil sebagai anak angkat.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Jumlah kanak-kanak yang berada di dalam

jagaan Kementerian Kebajikan Am di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 2,379 orang. Daripada bilangan ini, sejumlah 1,711 orang mempunyai kad pengenalan biru, dan seramai 45 orang mempunyai kad pengenalan Merah. Yang lain-lainnya berumur di bawah 12 tahun. Bilangan kanak-kanak yang ibu bapa dan keluarganya tidak dapat dikesan ialah 238 orang. Warna kad pengenalan dan tempoh masa kanak-kanak itu berada di Rumah Kanak-kanak tidaklah menjadi pertimbangan utama dalam pengambilan anak angkat. Yang paling penting ialah kelayakan keluarga angkat, surat izin ibu bapa kandung serta kemastautinan kanak-kanak dan bakal ibu bapa angkat, di negara ini.

#### **KAMPUCHEA—REAKSI PERDANA MENTERI NEGARA-NEGARA KOMANWEL**

**7. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi Perdana-perdana Menteri Negara Komanwel terhadap masalah Kampuchea dan sama ada Perdana-perdana Menteri Negara-negara Komanwel menyokong pendirian ASEAN mengenai Kampuchea dan sama ada reaksi India telah berubah dari pendiriannya terhadap isu ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Dalam mesyuaratnya di Melbourne baru-baru ini Ketua-ketua Kerajaan Komanwel telah melahirkan perhatian berat mereka berkenaan konflik bersenjata yang sedang berlaku di Kampuchea dan sebulat suara telah menyokong prinsip-prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal negara-negara lain dan mereka juga menentang penggunaan apa jua bentuk kekerasan di dalam hubungan antarabangsa. Mereka bersetuju tentang perlunya satu penyelesaian politik yang berkekalan bagi masalah tersebut, menegaskan sekali lagi hak-hak rakyat Kampuchea untuk menentukan masa depan mereka tanpa campurtangan dari kuasa-kuasa luar, tiada paksaan subversif dan ketua-ketua Kerajaan itu juga telah menggesa pengunduran dengan segera semua tentera-tentera asing dari Kampuchea.

Pandangan-pandangan Ketua-ketua Kerajaan ini telah dirakamkan di dalam Kenyataan Bersama yang dikeluarkan yang telah diterima sebulat suara di akhir mesyuarat itu. Pandangan-pandangan tersebut adalah selari atau bersamaan dengan pendirian negara-negara ASEAN di dalam usaha-usaha mereka mencari satu penyelesaian politik bagi masalah Kampuchea dan ianya dianggap sebagai menyokong pendirian ASEAN.

Dalam hal ini, sukacita saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa sebelum mesyuarat di Melbourne, ketetapan yang diusahakan oleh negara-negara ASEAN berkenaan Kampuchea di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah diterima dengan jumlah undi terbesar di mana 100 undi telah menyokong (25 menentang dan 19 berkecuali).

India adalah merupakan satu parti yang telah sama-sama menyokong kata sepakat atas prinsip-prinsip tersebut di mesyuarat di Melbourne. Mereka bersetuju dengan ASEAN atas isu-isu pokok bagi penyelesaian politik melalui pengunduran tentera-tentera Vietnam dari Kampuchea dan hak-hak rakyat Kampuchea sendiri menentukan masa depan mereka. Walau bagaimanapun mereka mempunyai cara-cara pendekatan yang berlainan di dalam usaha-usaha penyelesaian tersebut. Mereka merasakan bahawa China berusaha untuk menegakkan Khmer Rouge berkuasa di Kampuchea. Mereka juga lebih bersetuju diadakan dialog di antara negara-negara ASEAN dengan Vietnam bagi menyelesaikan masalah tersebut, daripada membawa isu tersebut ke Bangsa-bangsa Bersatu yang terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, India mengiktiraf regim Heng Samrin. Walau bagaimanapun, berkenaan persoalan yang lebih khusus iaitu berkenaan persidangan serantau yang dicadangkan oleh Vietnam dan sekutu-sekutunya, India tidak mempunyai pandangan-pandangan yang konkrit dan menyerahkan perkara ini kepada negara-negara di rantau tersebut untuk membuat keputusan.

Berkenaan dengan perhatian dan anggapan India, saya telah menjelaskan kepada India bahawa cara-cara pendekatan ASEAN telah jelas dibuktikan di Persidangan Antarabangsa berkenaan Kampuchea di mana tujuan ASEAN bukan untuk mengembalikan semula Pol Pot dan India adalah berpuas hati dengan penjelasan tersebut. Usaha-usaha masih dan sedang diteruskan bagi mencari satu penyelesaian politik bagi masalah di Kampuchea.

### PENULISAN DI AKHBAR/MAJALLAH ANTARABANGSA MENGENAI MALAYSIA

**8. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangkis atau membetulkan berita-berita atau penulisan-penulisan yang tidak menyenangkan hati di akhbar-akhbar dan majallah-majallah antarabangsa terhadap pentadbiran negara sekarang, khasnya terhadap perwatakan Y.A.B Perdana Menteri.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Sukacitalah saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hanya kecil sahaja dari penulisan-penulisan di akhbar-akhbar dan majallah-majallah antarabangsa telah memberikan berita-berita yang tidak tepat mengenai negara Malaysia di luar negeri. Pada keseluruhannya, mass media asing telah memberi perhatian utama serta ulasan-ulasan yang menggalakkan terhadap pentadbiran baru negara sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun begitu, adalah sukar sekali bagi kita untuk menegah mana-mana pihak di luar negeri menceritakan sesuatu mengenai pimpinan dan negara ini lebih-lebih lagi sekiranya mereka itu mempunyai niat tidak baik terhadap kita. Namun begitu adalah menjadi salah satu tugas utama Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri untuk menjaga kepentingan negara kita dengan meninggikan imej Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya di luar negeri dan adalah kewajipan Kementerian Luar Negeri untuk menolak segala salah tafsiran buruk

mengenai Malaysia dan tindakan segera telah dan sentiasa diambil bagi membetulkan mana-mana pandangan salah lagi menyeleweng dan mencari jalan untuk menghapuskan buruk sangka serta menyangkalkan mana-mana maklumat-maklumat mengenai Malaysia yang tidak benar i.e. jika perkara seperti ini berlaku pihak perwakilan-perwakilan kita dengan serta-merta berhubung dengan pihak yang berkenaan serta memberi penjelasan dan penerangan yang lanjut dan benar. Bagi maksud ini perwakilan-perwakilan Malaysia sentiasa berusaha mewujudkan hubungan baik dengan media-media massa, organisasi-organisasi, institusi-institusi pengajian tinggi, perkumpulan-perkumpulan dan individu yang berpengaruh di negara tuan rumah dengan memberi ceramah-ceramah dan pembahagian bahan-bahan penerangan kepada mereka. Selain daripada itu perwakilan-perwakilan kita juga mengurus bagi pemberita-pemberita luar negeri adakan temuramah dengan pemimpin-pemimpin kita bagi mendapat gambaran yang lebih jelas dan benar berkenaan dengan pentadbiran negara dan lain-lain hal di Malaysia.

### PENGAMBILAN GURU-GURU

**9. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kaitan di antara perlaksanaan sistem 3M dan pengambilan guru-guru setiap tahun untuk semua sekolah-sekolah dan, jika ada, adakah kemungkinan pengambilan guru-guru akan ditambah atau dikurangkan pada masa-masa hadapan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Pengambilan guru-guru baru tidak mengambilkira pelaksanaan 3M atau Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

### “SISTEM KETIGA DALAM PERATURAN PEKERJAAN DI LADANG-LADANG”

**10. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menghapuskan

sistem ketiga di dalam peraturan pekerjaan di Ladang-ladang seperti mana yang terkandung di dalam seksyen 2 di bawah Ordinan Pekerja 1955 dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Kementerian saya berpendapat bahawa apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan istilah "sistem ketiga di dalam peraturan pekerjaan di ladang-ladang" ialah penggunaan kontraktor-kontraktor buruh (labour contractors) di ladang-ladang seperti yang terkandung di dalam Seksyen 2A Ordinan Kerja, 1955.

Pekerja-pekerja yang digajikan oleh kontraktor-kontraktor buruh di ladang-ladang biasanya digajikan di bawah kontrak perkhidmatan. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja tersebut adalah diliputi oleh Undang-undang Buruh yang berkaitan dan kontraktor-kontraktor yang berkenaan, seperti majikan-majikan yang lain juga adalah terikat oleh undang-undang untuk memberi faedah-faedah yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja yang mereka gajikan.

Sungguhpun, dengan adanya penggunaan kontraktor-kontraktor buruh, pihak pengurusan ladang-ladang dilepaskan daripada masalah-masalah pengambilan dan pengawasan pekerja-pekerja oleh kerana kedua-dua perkara itu dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor buruh berkenaan, tanggungjawab majikan-majikan masih ada dan wujud mengikut Seksyen 33 Ordinan tersebut.

Sistem kontraktor-kontraktor buruh ini pada keseluruhannya telah berjalan dengan memuaskan. Selain dari itu, kontraktor-kontraktor tersebut juga lebih berupaya untuk mendapatkan tenaga pekerja bagi meringankan masalah kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang. Oleh itu, Kementerian saya berasa bahawa belumlah sampai masanya lagi untuk menghapuskan penggunaan kontraktor-kontraktor buruh di ladang-ladang.

## SEMBAHYANG JUMAAT BAGI PEKERJA-PEKERJA ISLAM DI KILANG

**11. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat kilang-kilang perusahaan di kawasan Perusahaan Prai dan Bayan Lepas tidak memberi kemudahan untuk pekerja-pekerja lelaki Islam menunaikan sembahyang Jumaat, jika ya, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang akan mengadakan undang-undang untuk kilang-kilang perusahaan juga berhenti rehat sama waktunya seperti pejabat-pejabat Kerajaan iaitu dari jam 12.30 hingga 2.30 petang pada tiap-tiap hari Jumaat.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** (a) Saya sedar bahawa memang ada kilang-kilang di Kawasan Perusahaan Prai dan Bayan Lepas yang masih tidak memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja lelaki yang beragama Islam supaya dapat menunaikan Sembahyang Jumaat.

Pegawai-pegawai dari Kementerian saya di Pulau Pinang dan Butterworth semasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan di kilang-kilang tersebut sentiasa memujuk pihak-pihak majikan supaya memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja lelaki yang beragama Islam supaya dapat menunaikan Sembahyang Jumaat. Walau bagaimanapun, terdapat ada beberapa kilang yang tidak memberi waktu kelepasan itu atas sebab perjalanan kilang-kilang tersebut melibatkan jentera yang bergerak sepanjang masa dan dengan itu memerlukan pengawasan pada setiap ketika.

Buat masa ini tidak ada undang-undang yang boleh memestikan majikan-majikan memberi kemudahan-kemudahan seumpama itu kepada pekerja-pekerja yang beragama Islam. Walaupun demikian, saya yakin bahawa dengan cara pujukan dan juga kerjasama dari pihak-pihak majikan, perkara tersebut akan dapat diatasi dalam sedikit masa lagi.

- (b) Waktu berhenti rehat bagi pejabat-pejabat Kerajaan pada tiap-tiap hari Jumaat adalah dari jam 12.00 tengahari sehingga 2.30 petang. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang supaya kilang-kilang perusahaan juga berhenti rehat sama waktunya dengan pejabat-pejabat Kerajaan.

### KAYU BALAK—RANCANGAN TANAM SEMULA

**12. Puan Rogayah binti Ariff** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian akan mengadakan satu rancangan untuk menanam semula di kawasan-kawasan kayu balak bagi menjamin masa depan negara kita dengan hasil kayu balak yang cukup.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Kementerian saya ada mempunyai rancangan untuk menanam semula kawasan-kawasan yang telah dibalok khususnya kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal yang bertujuan untuk menjamin bekalan yang cukup kepada negara di masa akan datang. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Tanah Negara yang bermesyuarat pada 8hb Disember, 1981 iaitu 3 hari yang lalu, telah meluluskan dan mengesahkan keputusan Majlis Perhutanan Negera yang bersidang pada 7hb Disember, 1981 mengenai rancangan Kerajaan untuk menghutan semula secara besar-besaran kawasan-kawasan yang telah dibalok dalam kawasan Hutan Simpan Kekal.

Program menghutan semula ini melalui Projek Ladang Hutan Kompensatori adalah bertujuan untuk menampung bekalan kayu balak bagi keperluan negara di pertengahan tahun 90an ketika mana negara khususnya Semenanjung Malaysia diramalkan mengalami kekurangan bekalan untuk industri kayu-kayuan negara. Program menghutan semula ini melibatkan seluruh negara tetapi di peringkat awal pelaksanaan khususnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, 4 buah negeri telah dipilih iaitu

Johor, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Projek Ladang Hutan Kompensatori dalam program menghutan semula ini akan melibatkan kawasan seluas lebihkurang 465,000 ekar dalam tempoh 15 tahun. Pokok-pokok yang dipilih adalah dari jenis yang cepat membesar yang boleh dibalok selepas 15 tahun, menghasilkan lebih kurang 60 tan seekar berbanding dengan lebih kurang 15 tan seekar dalam tempoh 50 tahun dari jenis hutan tropika asli.

Di samping mengadakan rancangan menghutan semula melalui penanaman pokok-pokok secara ladang untuk menjamin bekalan yang cukup kepada negara di masa akan datang, Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan rancangan pemulihan semula hutan-hutan yang telah dibalok melalui rawatan silvikalcar. Pemulihan hutan yang dijalankan di kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal melibatkan kerja-kerja merawat pokok-pokok yang tidak ditebang dan memperkayakan sesuatu kawasan itu dengan pokok-pokok yang kemudian akan boleh ditebang. Kadar pemulihan yang telah dicapai dalam tahun 1980 adalah lebih kurang 100,000 ekar tetapi seperti dipersetujui di majlis Perhutanan Negara dan disahkan oleh Majlis Tanah Negara yang bermesyuarat baru-baru ini, Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meningkatkan kadar pemulihan ini kepada lebihkurang 200,000 ekar setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Di samping melaksanakan rancangan atau strategi pembangunan hutan seperti saya nyatakan di atas, Kementerian saya adalah juga merancang dan telah dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar pembalakan tahunan yang bertujuan untuk menentukan sumber hutan negara tidak akan kehabisan disebabkan oleh tiada kawalan dikenakan. Satu rancangan catuan tebang tahunan telah dipersetujui oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Saya yakin bahawa pelaksanaan strategi-strategi pembangunan hutan yang tersebut di atas akan dapat menjamin negara kita akan terus mendapat bekalan kayu balak yang cukup di masa hadapan.

## PONDOK TELEFON DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-SEREMBAN

**13. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban tidak ada didapati pondok-pondok telefon, jika sedar, bilakah pondok-pondok telefon akan diadakan di tempat-tempat dan jarak yang tertentu di sepanjang lebuhraya yang berkenaan untuk memudahkan pengguna-pengguna kereta bila berlaku sesuatu kemalangan atau kerosakan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke):** Saya memang sedar bahawa di sepanjang lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban tidak ada pondok-pondok telefon. Untuk makluman Yang Berhormat Senator suka memberitahu bahawa pondok-pondok telefon biasanya diadakan atas permintaan yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Mengenai Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban pula, suka saya memaklumkan bahawa hingga setakat ini Jabatan Telekom masih belum menerima apa-apa permintaan untuk mengadakan pondok-pondok telefon dari pihak berkuasa Lebuhraya. Sekiranya Kementerian saya ada menerima permintaan untuk mengadakan kemudahan itu maka Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

## LAMPU JALAN—PEMASANGAN

**14. Datuk Ismail bin Hashim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab lampu-lampu jalan di setengah-setengah tempat misalnya di Melaka belum dilaksanakan walaupun permohonan telah dibuat dua tiga tahun yang lalu.

**Datuk Leo Moggie anak Iroke:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, suka saya menyatakan bahawa pembiayaan lampu-lampu jalan adalah di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah. Oleh yang demikian, lambat ataupun cepatnya pemasangan lampu-lampu jalan dilaksanakan adalah bergantung kepada cara perkara ini

diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Ia juga bergantung kepada keutamaan diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap perkara ini.

Kementerian saya melalui LLN hanya memasang lampu-lampu jalan itu selepas sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan itu bersetuju supaya sesuatu tempat itu dipasang lampu-lampu jalan serta bersetuju untuk membiayainya. Semua permohonan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu biasanya dilayani dengan segera oleh LLN.

Mengenai di Melaka pula, suka saya memberitahu bahawa mengikut rekod di pejabat LLN Melaka, semua permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak berkuasa Tempatan telahpun dilayani oleh LLN. Tidak ada rekod yang menunjukkan bahawa sesuatu projek masih belum dilaksanakan walaupun permohonan itu telah dibuat dua atau tiga tahun yang lalu.

## SEKOLAH TAMIL—MENCANTUMKAN

**15. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Pelajaran menyatakan kejayaan dalam rancangan mencantumkan Sekolah Tamil yang kecil-kecil dan jumlah Sekolah-sekolah Tamil yang terlibat dalam perundingan-perundingan Kementerian dengan pihak-pihak berkenaan termasuk Pengurus Ladang, Kesatuan Guru Tamil dan Ibu bapa murid-murid dalam usaha mencantumkan sekolah-sekolah kecil.

**Dr Sulaiman Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan mencantumkan Sekolah Tamil yang kecil-kecil di ladang dan di luar bandar baru sahaja berjalan setahun yang lalu. Rancangan tersebut adalah terbatas dan dilaksanakan secara "ad hoc" bergantung kepada permintaan pihak berkenaan serta kes-kes sekolah individu kerana ada beberapa masalah seperti pengambilalih tanah, hak-milik bangunan dan pengurusan sekolah tersebut. Dengan itu, pada peringkat sekarang adalah sukar bagi pihak Kementerian menyatakan sejauh mana kejayaan yang tercapai dari perkembangan rancangan tersebut.

Perlu saya nyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa membuka pintu perundingan yang sedia berkerjasama dengan mana-mana pihak Pengurus, Kesatuan Guru Tamil dan Ibu bapa murid-murid yang terlibat dari masa ke semasa sebelum sesuatu keputusan diambil.

#### PELAMPAU—PENGHAPUSAN

**16. Dr Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) rancangan konkrit yang dicadangkan untuk menghapuskan pelampau (extremism) untuk mencapai perpaduan negara; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa penekanan yang dibuat berlebihan di atas kegunaan perkataan Bumiputra dan bukan Bumiputra tidak dapat membantu mencapai perpaduan negara dan oleh kerana itu ada perlunya jika kegunaannya dikurangkan selaras dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan tidak digunakan langsung selepas tahun 1990 apabila masyarakat Malaysia lengkap disusun semula.

**Menteri Tak Berpotfolio** (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):

- (a) soal menghapuskan pelampau untuk mencapai perpaduan negara adalah satu usaha yang bukan sahaja dibebankan kepada Kerajaan bahkan kepada semua rakyat yang cintakan keamanan. Bagi pihak Kerajaan langkah-langkah untuk menghapuskan pelampau ini sentiasa dijalankan baik dengan cara memberi kesedaran melalui pendidikan ataupun melalui rancangan-rancangan perpaduan negara dalam semua aspek pentadbiran dan kemasyarakatan, selain undang-undang mencegahnya yang sedia ada.

Extremisma wujud di mana-mana sahaja, seperti negara lain juga dan kita tidak dapat menghapuskan sama sekali, Apa yang kita perlu lakukan ialah mencegah supaya amalan

pelampau ini tidak akan merebak serta mengancam keselamatan dan perpaduan negara.

- (b) Suka saya menyatakan bahawa istilah Bumiputra telah dicipta bagi maksud perancangan untuk membantu kumpulan-kumpulan ethnik asli (indigenous) dalam negara ini yang masing-masing telah lama ketinggalan dalam bidang ekonomi dan sosial. Jadi dalam membuat perancangan tersebut adalah perlu perkataan Bumiputra itu disebut sebagai rujukan. Istilah Bumiputra bagi mengelak dari menyebut Kumpulan itu satu persatu seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain lagi. Amalan ini yang sebenarnya tidak mengganggu membantu memupuk perpaduan negara, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

#### FILEM UNTUK TAYANGAN LUAR DI SABAH

**17. Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah benar Kementerian berkenaan tidak mempunyai peruntukan untuk menyewa filem-filem untuk tayangan luar di Sabah.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Jabatan Penerangan ada mempunyai peruntukan untuk menyewa filem-filem cereka 16 mm. untuk digunakan khas oleh unit-unit bergerak penerangan di seluruh negara termasuklah di Sabah. Dalam tahun semasa sahaja Jabatan Penerangan mempunyai peruntukan berjumlah \$127,500 untuk tujuan tersebut, manakala Jabatan Penerangan Sabah pula mempunyai peruntukan berjumlah \$9,600 untuk menyewa filem-filem 16 mm. bagi jangka masa yang pendek. Sungguhpun demikian, yang menjadi kesulitan ialah masalah kekurangan di pasaran bagi mendapatkan bekalan filem-filem cereka 16 mm. yang sesuai.

#### BIJIH TIMAH—KESTABILAN HARGA

**18. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa Amerika Syarikat tidak menyertai

dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-6 dan sejauhmana kesan-kesan ianya akan mengakibatkan atas kestabilan harga-harga bijih timah pada keseluruhannya dan Malaysia khususnya, iaitu kesan-kesan ke atas perindustrian bijih timah Malaysia oleh kerana bijih timah adalah salah satu sumber hasil yang utama negara kita.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Keputusan Amerika Syarikat untuk tidak menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam adalah berasaskan pendiriannya bahawa Perjanjian Barangan mestilah mengandungi unsur pasaran bebas. Berhubung dengan ini, negara tersebut telah tidak puas hati dengan beberapa peruntukan yang telahpun dipersetujui oleh sebilangan besar negara-negara yang mengambil bahagian di dalam persidangan perundingan yang telah diadakan di Geneva, terutama sekali yang berkaitan dengan stok penimbal dan titik pengenaan kawalan eksport. Pada pandangan negara tersebut, saiz stok penimbal dan titik pengenaan kawalan eksport yang telah dipersetujui itu tidak memadai untuk membolehkan unsur-unsur pasaran memainkan peranan mereka.

Suka saya jelaskan di sini bahawa negara-negara pengeluar telah mencuba sedaya upaya untuk memenuhi kehendak-kehendak negara tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam perkara ini, negara-negara pengeluar terpaksa memastikan bahawa kekesanan Perjanjian ini tidak tergugat dan dengan yang demikian tidak dapat memenuhi sepenuhnya kehendak-kehendak negara tersebut.

Berhubung dengan kesan-kesan ke atas kestabilan harga timah akibat keputusan Amerika Syarikat ini, suka saya tegaskan di sini bahawa walaupun Amerika Syarikat tidak akan menjadi ahli Perjanjian Keenam ini, Perjanjian tersebut masih boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan berkesan. Pendirian ini adalah berasaskan pengalaman bahawa Amerika Syarikat telah tidak menjadi ahli bagi Perjanjian Timah Antarabangsa yang Pertama sehingga

Keempat. Bagi tempoh-tempoh masa tersebut, Perjanjian Timah Antarabangsa telah dengan jayanya dapat mengukuh dan menstabilkan harga timah di pasaran antarabangsa menerusi mekanisma penstabilannya.

Suka juga saya maklumkan di sini bahawa walaupun Amerika Syarikat telah membuat pengumuman untuk tidak menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam, pihaknya juga telah menyatakan kesediaan untuk terus bekerjasama dengan negara-negara pengeluar bukan sahaja di sepanjang baki tempoh keahliannya di dalam Perjanjian Kelima, tetapi juga selepas itu. Adalah menjadi harapan kita agar pengakuan dan jaminan yang diberikan ini akan dapat dipenuhi dan dilaksanakan oleh negara tersebut, demi kebaikan dan kepentingan masyarakat antarabangsa.

Di samping itu, Kementerian saya melalui kedutaan-kedutaan Malaysia berusaha menggalak dan menggesa negara-negara pengguna yang mengambil bahagian di dalam persidangan perundingan supaya menandatangani dan mengesahkan Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam sebelum luput tempoh berbuat demikian. Ini juga merupakan tindakan bersama yang diambil oleh lain-lain negara pengeluar bagi memastikan yang Perjanjian ini berkuatkuasa walaupun tanpa penyertaan Amerika Syarikat.

### **JALAN-JALAN SEHALA DI KUALA LUMPUR**

**19. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tidakkah ada cadangan supaya diadakan lebih banyak lagi jalan-jalan sehalah di Kuala Lumpur bagi melicinkan perjalanan lalulintas.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Untuk mengurangkan kesesakan lalulintas, Kerajaan tidak hanya menimbangkan sistem

aliran lalulintas, sehala pada jalan-jalan tertentu dalam Bandaraya, Kuala Lumpur. Malah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut ialah secara 'intergrated' iaitu dengan menyediakan berbagai-bagai teknik pengangkutan yang lain seperti:-

- (i) Penyediaan lingkaran jalan (ring roads) untuk menyerakkan lalulintas iaitu mengandungi Sistem Lingkaran Jalan Dalam dan Sistem Lingkaran Jalan Tengah. Lingkaran Jalan Dalam telah hampir siap sebanyak 90% sekarang dan dijangka siap kesemua sekali dan dibuka untuk kegunaan orangramai pada akhir tahun 1981. Manakala Lingkaran Jalan Tengah Peringkat Satu yang sedang di selenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya telahpun 88% siap dan dijangka siap kesemuanya pada bulan Julai 1982.
- (ii) Skim Keutamaan Bas untuk memberi keutamaan kepada kenderaan orang ramai.
- (iii) Skim Kawalan Lalulintas Kawasan (Area Traffic Signal Control) yang menggunakan komputer-komputer bagi mengawal lampu isyarat untuk memberi kordinasi terhadap aliran lalulintas dan sebagainya.
- (iv) Sistem Pengangkutan Awam yang sempurna.

Dengan adanya pendekatan yang menyeluruh ini, akan menjadikan aliran lalulintas di Bandaraya, Kuala Lumpur bertambah baik lagi.

## PELABUHAN KUANTAN—KEDUDUKAN

**20. Datuk Ismail bin Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan Pelabuhan Kuantan sekarang.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Lembaga Pelabuhan Kuantan telah memulakan operasi separuhnya (Partial operations) pada bulan April 1980. Pada masa itu kapal-kapal seberat 8,000 tons (displacement) dapat berlabuh di dermaga

minyak kelapa sawit. Dengan adanya usaha memasang 'Yokohama type floating pneumatic fenders' dapat membolehkan kapal yang lebih besar seberat 26,000 tons (displacement) menggunakan dermaga itu mulai bulan Oktober 1981.

Semenjak operasi separuh tersebut dijalankan hingga kini sejauh 26 buah kapal kargo dan 57 kapal tangki telah berlabuh di dermaga tersebut.

Kelulusan juga telah diberi pada Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi membolehkan kapal-kapal sehingga berat 2,000 tan merapat di dermaga utama No. 1 di Pelabuhan tersebut.

Pihak Kerajaan juga telah memutuskan bahawa kerosakan-kerosakan yang berlaku di Lembaga Pelabuhan Kuantan diperbaiki dengan segera di mana dianggarkan sejumlah \$157 juta diperlukan untuk tujuan tersebut.

## PADI BARU KADARIA

**21. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan sambutan para petani di seluruh negara terhadap jenis padi baru (KADARIA) yang baru di umumkan itu dan apakah keistimewaan padi itu bila dibandingkan dengan padi-padi jenis baru yang lain.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Jenis padi KADARIA yang telah diistiharkan itu adalah lebih sesuai untuk kawasan KADA sahaja. Sejauh mana jenis padi ini mendapat sambutan dari para petani adalah terlalu awal untuk dipastikan, memandangkan masa adalah diperlukan untuk mengeluarkan biji benih yang cukup untuk pengedaran kepada petani. Setakat ini seluas kira-kira 10,000 ekar telah ditanam dengan padi jenis KADARIA ini. Hasil dari penanaman yang lepas hasilnya adalah memuaskan iaitu di antara 560 gantang hingga 600 gantang seekar. Keistimewaan jenis padi ini adalah terletak pada hasilnya yang lebih memuaskan dan mutu nasinya yang baik. Selain dari itu hasil padinya boleh matang dalam tempoh yang singkat iaitu kira-kira 126 hingga 132 hari.

## INDEKS HARGA PENGGUNA

**22. Tuan Alexander Lee** minta Menteri Kewangan memberikan butir-butir benda-benda yang dikumpulkan dalam kandungan bakul perbelanjaan dari mana Indeks Harga Pengguna dihitung; dan apakah Keluaran Kasar Negara yang juga terdiri dari benda-benda ini di dalamimbangan yang sama seperti Indeks Harga Pengguna. Jika tidak, tidaklah lebih tepat sekiranya kadar inflasi dihitung berdasarkan Keluaran Kasar Negara daripada Indeks Harga Pengguna.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Angka Tunjuk Harga Pengguna (AHP) ialah satu petunjuk yang digunakan untuk mengira kadar perubahan harga sekumpulan barang-barang dan perkhidmatan tertentu yang mana merupakan barang-barang yang biasanya digunakan oleh kebanyakan isirumah di negara ini. Harga-harga bagi lebih kurang 700 butir benda-benda adalah digunakan bagi pengiraan paras Angka Tunjuk Harga Pengguna tersebut. Harga-harga bagi barang-barang tersebut diperolehi tiap-tiap bulan daripada lebih kurang 3,600 tempat-tempat kutipan barang-barang runcit di serata 90 buah pekan iaitu 25 di kawasan bandar dan 65 di kawasan luar bandar.

Barang-barang tersebut telah dipecahkan kepada sembilan kumpulan kecil iaitu, pertama, makanan; kedua, minuman dan tembakau; ketiga, pakaian dan kasut; keempat, sewa kasar, bahanapi dan kuasa; kelima, perabut, hiasan rumah, perkakas dan kegiatan isirumah, keenam rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan; ketujuh, pengangkutan dan perhubungan; kelapan, permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan dan akhirnya kesembilan pelbagai barang dan perkhidmatan. Berasaskan kepada wajaran kumpulan yang diperolehi dari anggaran perbelanjaan penggunaan persendirian dalam Akuan Negara 1967, maka Angka Tunjuk Harga dihitung dengan menggunakan formula yang tertentu.

Barang-barang yang saya sebutkan tadi pada dasarnya menyamai dengan butiran benda-benda yang digunakan bagi menghitung perbelanjaan penggunaan persendirian dalam Keluaran Negara Kasar (KNK).

Walaupun begitu, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam pengiraan KNK, jumlah besar permintaan adalah mengandungi kedua-dua butiran perbelanjaan-perbelanjaan penggunaan dan pelaburan. Butiran pelaburan adalah tidak dimasukkan dalam pengiraan Angka Tunjuk Harga Pengguna.

Sebagai tambahan kepada Angka Tunjuk Harga Pengguna terdapat beberapa negara yang menggunakan "deflator" untuk Keluaran Negara Kasar sebagai pengukur kepada dasar inflasi. Bagaimanapun, "deflator" Keluaran Negara Kasar mengandungi kedua-dua butiran penggunaan dan pelaburan dan dengan itu merupakan konsep yang lebih luas untuk dipergunakan bagi tujuan yang berlainan.

Angka Tunjuk Harga Pengguna merupakan pengukur yang sensitif kepada perubahan harga-harga pengguna, kerana ianya hanya mengandungi butiran barang-barang yang biasanya digunakan oleh kebanyakan isirumah. Oleh itu, ianya adalah digunakan secara meluas sebagai pengukur kepada inflasi harga pengguna.

## KADAR INFLASI DI MALAYSIA— PENYATA DUTA ASING

**23. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan kebenaran nyata yang dikeluarkan oleh satu duta asing di negara kita bahawa Malaysia sentiasa mengumumkan kadar inflasi yang terlampau rendah, walhal kadar yang betul adalah sekurang-kurangnya 50% lebih tinggi daripada kadar yang dirasmikan; dan sama ada pengumuman yang tidak benar sebegini merosakkan nama baik Kerajaan Malaysia di antarabangsa.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Suka saya menegaskan di sini bahawa cara yang kita gunakan untuk mengira Angka Tunjuk Harga Pengguna adalah diterima di peringkat antarabangsa. Institusi-institusi kewangan antarabangsa, seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa tidak pernah menyoal kadar inflasi kita, malah telah memuji Malaysia kerana dapat mengstabilkan paras harga dengan begitu rendah di dunia ini. Walaupun begitu, kita sentiasa hendak memperbaiki lagi cara-cara kita mengira kadar inflasi dan sepertimana yang telah dimaklumkan dahulu kita akan mengemaskinikan wajaran-wajaran yang digunakan kepada tahun-tahun yang lebih semasa lagi. Satu pengiraan awal yang berdasarkan kepada wajaran tahun 1980 tidak menunjukkan perbezaan besar dari kadar inflasi yang telah diumumkan. Kita juga sedang berusaha untuk mengira petunjuk-petunjuk harga yang berasingan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Saya tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa kadar inflasi di negara ini tidak menggambarkan kadar inflasi yang sebenarnya. Kebanyakan dari dakwaan tersebut adalah berasaskan kepada penilaian yang salah mengenai apakah sebenarnya yang ditunjukkan oleh Angka Tunjuk berkenaan.

Angka Tunjuk Harga Pengguna adalah satu petunjuk yang digunakan untuk mengira purata isirumah, berdasarkan kepada satu kumpulan barang-barang yang ditetapkan dengan menggunakan wajaran bagi tahun asas.

Badan-badan lain boleh menggunakan kaedah-kaedah mereka sendiri untuk mengira kadar inflasi berasaskan kaedah mereka. Perbezaan methodologi ini tentulah akan menghasilkan perbezaan dalam angka yang diperolehi. Kedutaan asing selalunya mempunyai tujuan dan kriteria masing-masing serta memilih barang-barang tertentu bagi mengira satu-satu angkatanunjuk dan dengan ini menghasilkan perbezaannya. Institusi-institusi lain juga mungkin berbeza dalam mengadakan pemilihan kumpulan barang-barang, wajaran dan kaedah pengiraan masing-masing.

Dengan itu, perbezaan ini tidak dapat dielakkan. Ini terjadi di semua negara. Apa yang saya suka tegaskan di sini ialah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan adalah satu kaedah yang telah diterima dengan baik, yang diketahui umum dan dikira secara objektif. Berasaskan ini kita telah dapat mengira arah aliran perubahan harga dengan jayanya dan mengambil berbagai langkah bagi menyederhanakan kadar inflasi dalam negara.

### IMBANGAN DAGANGAN MALAYSIA

**24. Dato' Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada enam bulan pertama tahun 1981 kita mengalami susutan imbalan perniagaan "deficit balance" dan jika benar apakah tindakan yang akan beliau ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Tengku Tan Sri Razalieggh Hamzah:** Bagi enam bulan pertama tahun 1981, Malaysia telah mendapat lebih dalam imbalan dagangan sebanyak \$276.8 juta. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa Malaysia mengalami kekurangan dalam imbalan dagangan dalam tempoh itu sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi enam bulan pertama tahun ini, eksport Malaysia adalah bernilai sebanyak \$13,085.1 juta manakala import bernilai sebanyak \$12,808.3 juta. Walau bagaimanapun, lebih dalam imbalan dagangan ini adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan lebih dalam imbalan dagangan sebanyak \$3,341.2 juta yang didapati dalam enam bulan pertama tahun 1980. Lebih dalam imbalan dagangan yang lebih kecil ini adalah disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih lembab akibat dari kemerosotan ekonomi dunia dan perlindungan-perindungan perdagangan yang dikenakan oleh beberapa negara perindustrian. Permintaan luar negeri yang lembab ini telah menyebabkan harga dan jumlah barangan-barangan eksport Malaysia merosot bagi jangkamasa yang dibandingkan itu. Keadaan pasaran minyak dunia yang sekarang mengalami lebih penawaran telah juga membawa kesan buruk kepada eksport minyak petroleum Malaysia dan dengan itu

memburukkan lagi imbalan dagangan kita. Sebaliknya, import kita bagi penggunaan dan pelaburan terus meningkat kerana kegiatan ekonomi yang pesat dalam negeri.

Sungguhpun lebih imbalan dagangan bagi enam bulan pertama tahun ini adalah lebih kecil, prestasi dagangan Malaysia adalah lebih baik dari kebanyakan negara-negara sedang membangun dan beberapa buah negara perindustrian yang sedang mengalami kekurangan besar dalam imbalan pembayaran akibat kemerosotan ekonomi dunia. Kerajaan sedar mengenai kemerosotan imbalan dagangan ini dan telahpun mengambil langkah-langkah seperti yang diumumkan di dalam Ucapan Belanjawan 1982 bagi mengatasi kesannya terhadap imbalan pembayaran dan ekonomi dalam negara ini. Langkah-langkah ini termasuklah mengadakan galakan-galakan eksport dan menyertai berbagai forum antarabangsa bagi mendesak negara-negara perindustrian menghapuskan dasar-dasar perlindungan dan meluaskan lagi peluang kemasukan barangan eksport Malaysia ke pasaran mereka. Dalam perkara ini, Belanjawan 1982 telah mengadakan beberapa galakan bagi sektor perkapalan, insuran dan pembiayaan semula eksport yang bertujuan mengukuhkan lagi imbalan dagangan dan pembayaran.

Adalah dijangkakan bahawa ekonomi negara-negara perindustrian utama diramalkan mulai pulih pada hujung tahun hadapan, dan berikutan ini, permintaan serta harga barangan eksport utama negara dijangka akan bertambah kukuh. Perkembangan ini akan membaiki kedudukan imbalan perdagangan dan imbalan pembayaran negara dalam jangka pendek akan datang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (10hb Disember, 1981).

3.35 ptg.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan atas Belanjawan 1982 pada hari semalam, saya telah membangkitkan perkara kekurangan tenaga buruh di negara kita khususnya di luar bandar di sektor pertanian, dan saya suka menyambung perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, buruh pendatang jika difikirkan boleh mengatasi masalah-masalah buruh di negara ini adalah satu perkara yang tidak benar. Oleh sebab buruh pendatang secara sah atau tidak, tidak dapat menyesuaikan diri dalam Masyarakat Malaysia berbilang bangsa. Latar belakang buruk pendatang berlainan dari Masyarakat Malaysia dan oleh sebab itu tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling. Lanjutan dari itu mereka mungkin menjadi punca tidak kesetabilan sosial dan mengganggu ketenteraman awam. Selanjutnya mereka menjadi burung terbang yang bukan sahaja tidak taat setia kepada negara kita bahkan mereka juga meruntuhkan kadar gaji dan kualiti hidup pekerja-pekerja Malaysia sendiri. Oleh yang demikian, majikan-majikan juga harus menyedari akibat yang serius terhadap penggunaan buruh pendatang yang mungkin dapat memenuhi kehendak matlamat mereka bagi jangka pendek akan tetapi boleh melumpuhkan kepentingan sosio-ekonomi negara dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan objektif Dasar Ekonomi Baru tentang penyusunan semula, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengamalkan dasar ini dengan adil dan saksama dengan lebih berkesannya. Tujuan menyusun semula masyarakat Malaysia untuk melahirkan penyertaan dan perkongsian penuh antara kaum dalam usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi selaras dengan corak penduduk-penduduk berbilang kaum menjelang tahun 1990 adalah sangat penting.

Penyusunan semula masyarakat Malaysia mestilah meliputi semua golongan mengikut Dasar Ekonomi Baru. Maka dalam penyusunan semula syarikat-syarikat asing Kerajaan patutlah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan wajar untuk mem-

pastikan semua golongan diambil kira dan dapat mengambil bahagian. Dengan langkah-langkah ini Kerajaan mestilah mempercepatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum dan juga menentukan di dalam pembangunan semula rakyat Malaysia berpeluang mendapat pekerjaan, mengambil bahagian cergas dan memperolehi hakmilik dan penguasaan dipelbagai sektor ekonomi.

Dalam perkara ini masyarakat Malaysia Indian masih jauh ketinggalan di belakang dalam hal memperolehi hakmilik (equity ownership) dan jikalau Kerajaan tidak mengambil kira kedudukan ini dan mengambil tindakan yang sesuai, mereka akan tertinggal dan akan menjadi beban ke atas masyarakat dan Kerajaan kita. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan supaya memberi peruntukan atau pembahagian yang sesuai dan saksama dalam penyusunan semula syarikat-syarikat asing kepada masyarakat Malaysia Indian. Dengan ini mereka akan bersama-sama maju dengan golongan-golongan lain dan tidak akan merasa kehampaan atau merasa diketepikan dari kemajuan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini kita telah menyaksikan pertukaran Kerajaan daripada Yang Amat Berhormat Tun Dato' Hussein Onn kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berjalan dengan licin dan dihidupkan semula Majlis Kewangan Nasional.

Kerajaan baru telah memberi perhatian kepada kecekapan dan kelicinan perkhidmatan, dan perkara ini amatlah dialu-alukan oleh pihak swasta dan juga rakyat pada umumnya, khususnya laporan Ketua Odit Negara telah menampakkan betapa membazirnya perbelanjaan Kerajaan dan saya ingin tahu sama ada Kementerian Kewangan boleh taksirkan berapakah nilai yang digunakan dan yang dibazirkan ke atas tiap-tiap ringgit yang dibelanjakan. Andainya kita dapat menggunakan 50 sen dengan sepenuhnya ke atas setiap ringgit kita telah mengambil satu tindakan yang wajar. Perkara ini sangatlah penting oleh kerana Belanjawan 1982 menunjukkan kelebihan sebanyak 38% daripada Belanjawan 1981 dengan kelebihan sebanyak \$8,874 juta.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru Kerajaan supaya memberi perhatian kepada laporan Ketua Odit Negara untuk menentukan pembaziran perbelanjaan dikurangkan supaya kita dapat nilai yang sepenuhnya ke atas setiap ringgit yang dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, kami mengalu-alukan cadangan Menteri untuk menghapuskan cukai import ke atas beberapa barang dagangan seperti jam dan kamera. Sekiranya ini adalah satu langkah menyemak semula polisi cukai import maka masanya sangatlah sesuai. Masanya sesuai oleh kerana kita telah sampai ke peringkat pembangunan yang memerlukan penyemakan polisi industri negeri ini. Dulu semasa kita mulakan perindustrian, kita perlu industri pengganti import (import substitute industries) dengan tujuan melebihi penggunaan barang dalam negeri supaya industri-industri ini akan beralih daripada hanya tugas-tugas pemasangan di mana semua barangannya diimport, cuma tenaga buruh sahaja digunakan dan satu tingkat kemahiran di mana semua barangan tersebut dikeluarkan di dalam negeri. Malangnya setelah 10 tahun kita masih lagi di peringkat pemasangan sahaja dan lagi industri-industri ini diberi perlindungan yang telah, bukan sahaja melalui cukai perlindungan yang tinggi juga melalui quota yang mengakibatkan pengguna terpaksa membayar harga yang tinggi ke atas barang keluaran. Yang sebenarnya barang-barang berasingan yang diimport adalah lebih mahal daripada yang siap dipasang di luar negeri dan selepas dipasang di dalam negeri harga barang tersebut adalah 100% melebihi harga asalnya. Barang-barang berkenaan adalah seperti motokar, barangan-barangan elektrik dan sebagainya yang harganya melebihi dari harga yang dijual di negeri asalnya. Lagipun kita tidak dapat faedah teknik dan reka bentuk yang masa kini dan biasanya kita terima barangan yang tidak lagi dikehendaki di negeri asalnya dan reka bentuk yang satu dan dua tahun kebelakangan.

Di masa dahulu kita perlukan industri yang begini untuk mengurangkan masalah pengangguran tetapi oleh kerana sekarang kita kekurangan tenaga pekerja terutama dalam bidang pembinaan dan di ladang-

ladang maka kita patutlah semak semula polisi serta keperluan tenaga pekerja negara. Sebenarnya kita mempunyai ramai pekerja asing di dalam negeri ini. Perlukah kita terus ada 60,000 pekerja di industri perkilangan motokar walhal tenaga pekerja tersebut dengan mudah boleh digunakan di sektor pembinaan dan di lain sektor. Faedah yang diperolehi dari industri motokar tempatan adalah motokar yang murah sekali sekarang tidak dapat dibeli oleh orang yang bekerja biasa. Kita sepatutnya menyemak semula polisi industri negeri ini dan kalau boleh kurangkan jumlah pengaliran wang, pengaliran yang dibenarkan kepada industri yang kurang perlu dan serta industri yang tidak dapat mengeluarkan barangan dengan harga yang berpatutan ataupun yang mengenakan harga yang terlalu tinggi. Industri demikian adalah tidak layak menerima perlindungan dan lebih baik ditinggalkan sahaja supaya dapat tenaga pekerja kita digunakan di sektor yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara sebelum saya tamatkan ucapan saya, ini berkenaan dengan kemiskinan dan harga getah. Dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, saya ingin menyentuh mengenai pekerja-pekerja di ladang-ladang getah dan juga pekebun-pekebun kecil getah ataupun rakyat yang menjalankan kehidupan mereka atas hasil yang mereka dapat dari getah. Pada masa sekarang harga getah telah turun, paling kurang dan oleh sebab itu banyak ladang-ladang dan juga di tempat-tempat pekebun-pekebun kecil, penoreh-penoreh getah tidak menjalankan kerja mereka di pokok getah, tidak menoreh getah. Di ladang-ladang majikan tidak menjalankan kerja pada hari Ahad ataupun hari cuti seperti majikan-majikan menggunakan pekerja-pekerja pada masa harganya tinggi. Dalam hal ini jika Kerajaan tidak mengambil langkah yang positif untuk menaikkan harga getah dalam masa yang ditentukan, rakyat yang bergantung kepada getah akan mengalami kesukaran dan kita tidak akan mencapai objektif Kerajaan membasmi kemiskinan di sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, program perumahan khususnya program perumahan kos rendah bagi orang-orang berpendapatan rendah pada keseluruhannya tidaklah memuaskan. Masalah ini menjadi lebih rumit di Wilayah Persekutuan akibat dari proses perbandaran dan pemindahan masuk penduduk-penduduk ke bandar yang sangat pesat. Buat masa sekarang rumah-rumah kos rendah yang dibina di Wilayah Persekutuan hanya atau tidak mencukupi untuk menempatkan semua penduduk-penduduk yang tinggal di atas tanah Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan. Jikalau ini berterusan apakah akan terjadi kepada mereka yang berpendapatan rendah yang berhasrat memiliki rumah sendiri. Ramai penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang dilanda banjir ini pindah dari tempat itu tetapi Dewan Bandaraya tidak dapat menawarkan rumah kos rendah kepada mereka dan oleh yang demikian mereka berterusan tinggal di kawasan-kawasan yang dilanda banjir.

Begitu juga mereka yang bersara dari perkhidmatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau sektor swasta yang tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh majikan, mereka tidak dapat ditawarkan rumah kos rendah oleh Kerajaan apabila mereka bersara dan diarah oleh majikan keluar dari rumah majikan yang disediakan. Dengan ini ramai golongan ini menjadi setinggan. Selagi Kerajaan tidak dapat membina rumah kos rendah yang mencukupi sehingga itulah kita tidak dapat menyelesaikan masalah peningkatan bilangan setinggan di Kuala Lumpur. Dengan yang demikian, kita tidak bolehlah menyalahkan orang-orang yang menjadi setinggan di Kuala Lumpur. Walaupun Dewan Bandaraya telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk menghalang orang-orang yang ingin menjadi setinggan di Kuala Lumpur, tetapi tiap-tiap hari rumah di bina di kawasan setinggan, bukan oleh sebab mereka ingin atau suka menjadi setinggan tetapi tanpa jalan lain, tanpa dapat rumah kos rendah mereka pada akhirnya menggunakan jalan ini untuk mendirikan rumah-rumah di kawasan setinggan.

Saya suka menyeru Kerajaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang segera dan sewajarnya supaya program perumahan kos rendah dipercepatkan di Kuala Lumpur dan seluruh negara supaya matlamat Kerajaan iaitu matlamat menentukan semua rakyat ini terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah akan dapat kemudahan perumahan yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyuarakan isu-isu ini bagi menekankan keperluan bagi Belanjawan 1982 dan sesungguhnya perancangan ekonomi negara kita supaya mengambil kira semua isu-isu yang penting ini dalam perancangan dan pelaksanaan dasar ekonomi baru kita. Belanjawan 1982 adalah mengkagumkan akan tetapi kesan yang lebih menguntungkan terhadap ekonomi dapat diperingkatkan lagi dengan memasukkan penyelesaian kepada masalah-masalah dan isu-isu ekonomi yang saya telah sebutkan yang sedang dialami oleh semua masyarakat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Yap Peng.

*3.52 ptg.*

**Dato' Yap Peng:** Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang sungguh baik dan bertimbang rasa. Di saat ekonomi dunia sedang meleset, strategi Kerajaan ini akan dapat meringankan beban hidup rakyat di samping meningkatkan lagi keteguhan dan kemajuan ekonomi negara. Rakyat dari segenap lapisan telah bergembira kerana cukup untuk banyak jenis barang telah dimusnahkan atau dikurangkan dalam belanjawan ini.

Sambil memberi sokongan penuh kepada belanjawan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk perhatian dan tindakan Kerajaan.

Terutama sekali saya hendak menyentuh soal pemegang saham dalam negara kita. Kita harus berasa bangga bahawa sejak negara melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan rancangan-rancangan pembangunan rakyat jelata telah berusaha ke arah membina

ekonomi negara. Sebelum Merdeka, ekonomi negara kita adalah dikuasai oleh orang-orang asing. Kini kita dapat melihat bagaimana rakyat Malaysia mula bergerak ke arah menukarkan ekonomi pegangan asing menjadi ekonomi pegangan warganegara tempatan. Walau bagaimanapun, dalam proses penyusunan semula ekonomi khususnya dalam pengambilan alih saham-saham orang asing, satu keadaan berebut-rebut telah muncul.

Kita harus bertindak bersama untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru dengan berasaskan kewajipan kita sebagai warganegara serta berasaskan sistem perdagangan bebas yang sedia wujud. Oleh itu, dalam proses penyusunan semula ekonomi dan dalam usaha syarikat-syarikat tempatan membeli saham atau mencari kuasa mengawal dalam syarikat-syarikat asing, tidak harus timbul satu keadaan di mana "satu-satu pertubuhan tempatan boleh membeli sementara yang lain pula dilarang membeli" atau "sebuah pertubuhan yang mewakili kepentingan sesuatu kaum dibenarkan membeli sementara pertubuhan yang mewakili kepentingan sesuatu kaum yang lain dilarang membeli".

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan setiap rakyat untuk berusaha memajukan ekonomi negara. Segala pembelian saham, asalkan ianya mematuhi Dasar Ekonomi Baru dan aspirasi negara, patutlah digalakkan. Perkembangan pesat ekonomi akan dipelihara jika semua pihak dapat berganding bahu di bawah prinsip persaingan yang adil.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak bangkitkan di sini ialah mengenai industri kecil.

Industri kecil telah memainkan peranan yang penting dalam kemajuan ekonomi negara memandangkan bahawa lebih 80% kegiatan perusahaan dalam sektor industri adalah terdiri daripada industri kecil.

Berikutan penyusunan semula masyarakat, pembangunan ekonomi dalam negeri telah menunjukkan corak-corak baru. Memandangkan bahawa industri kecil adalah nadi sektor perusahaan tempatan, adalah penting supaya industri kecil diberi bantuan

khususnya apabila penyusunan semula ekonomi masuk ke peringkat keseluruhannya.

Saya sukacita melihat bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mula memberi perhatian kepada industri kecil dan telah memberi bantuan terhadap perkembangannya. Bantuan tersebut termasuklah penubuhan satu Unit Perusahaan dan Perdagangan Kecil di Kementerian itu untuk menolong mengatasi masalah penubuhannya. Saya juga gembira melihat bank-bank perdagangan telah mengadakan rancangan pinjaman khas untuk industri kecil. Rancangan ini akan membolehkan pengusaha-pengusaha industri kecil yang berpotensi mengembangkan perusahaan mereka tanpa menghadapi masalah modal.

Membantu perkembangan industri kecil bukan sahaja membawa faedah seperti mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan penggunaan tenaga manusia dan mengurangkan pengangguran, bahkan juga akan dapat mempercepat pembangunan industri serta melatih tenaga mahir yang diperlukan.

Industri kecil tidak memerlukan modal yang besar. Ia juga tidak melibatkan teknologi yang tinggi. Namun ia mudah dikursus. Ia merupakan satu sektor yang akan dapat membantu dalam matlamat penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan. Industri kecil adalah satu kegiatan ekonomi yang akan membolehkan seseorang pengusaha individu menggunakan potensi dengan sepenuhnya. Bagaimanapun, masalah yang dihadapi mereka adalah rumit khususnya pengusaha industri kecil keturunan Cina. Mereka tidak pernah diberi perhatian, galakan atau bantuan oleh pihak berkuasa. Keadaan yang luar biasa ini perlu diambil tindakan dengan segera.

Setahu saya, masalah pokok yang dihadapi oleh industri kecil ialah masalah kekurangan tapak. Banyak pengusaha industri kecil telah menjalankan kegiatan mereka dalam kawasan kediaman. Ini telah menyebabkan pihak berkuasa mengambil tindakan menyerbu dan membawa mereka ke mahkamah kerana telah melanggar

undang-undang tanah. Saya menyeru pihak berkuasa memberi perhatian berat terhadap masalah pokok yang dihadapi itu dan apa yang perlu di atasi ialah masalah tapak industri kecil. Kerajaan Negeri dan kuasa-kuasa tempatan hendaklah merancang dan menguntukkan tapak yang sesuai untuknya. Memandangkan kekurangan tapak kilang yang sesuai, saya suka mencadangkan supaya pihak berkuasa mendirikan bangunan kilang bertingkat untuk industri kecil di pinggir bandar. Bangunan kilang itu akan dijual atau disewa kepada para pelabur industri kecil sebagai satu langkah menyelesaikan masalah tapak.

Seperkara lagi ialah berkenaan dengan kemudahan pinjaman untuk membeli rumah-rumah kedai. Bank-bank perdagangan kini hanya memberi pinjaman kepada mereka yang hendak membeli rumah tetapi pinjaman untuk membeli rumah kedai oleh individu sukar diluluskan. Kedai-kedai dalam satu-satu rancangan perumahan telah memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan pusat perkhidmatan untuk penduduk-penduduk rancangan perumahan itu kerana mereka boleh membeli barang-barang keperluan, makanan, minuman dan lain-lain lagi. Oleh kerana pinjaman sukar diperolehi, kedai-kedai yang dibina biasanya tidak dapat dijual menyebabkan tanggungan kewangan yang berat oleh pemaju. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengarahkan bank-bank perdagangan memberikan pinjaman kepada mereka yang ingin membeli rumah kedai pertama mereka dengan dikenakan syarat-syarat yang sama seperti untuk pinjaman membeli rumah.

Bercakap mengenai pendatang haram, saya ingin merakamkan kebimbangan terhadap langkah-langkah keselamatan yang kurang ketat itu. Hakikatnya bahawa pendatang haram itu telah menyeludup masuk ke negara kita bermakna langkah-langkah keselamatan untuk mencegah kemasukan orang asing ke negara ini perlu diperbaiki lagi.

Seperti kita sedia maklum, pendatang haram ini berasal dari negara jiran kita yang terdekat sekali. Mereka datang ke negara kita kerana mencari pekerjaan khususnya di

ladang-ladang dan dalam industri pembinaan. Kerajaan mestilah mengambil langkah kawalan yang ketat mengenai kedudukan ini. Kepada mereka yang datang secara 'legal', permit kerja sementara bolehlah dikeluarkan kepada mereka. Selepas tamat tempoh permit itu, mereka hendaklah dihantar pulang ke negeri asalnya. Jika sekiranya negara kita tidak menghadapi kekurangan tenaga buruh, adalah tidak wajar bagi kita mengeluarkan permit kerja kepada mereka.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan bertindak tegas tanpa mengira kaum terhadap pendatang haram. Mereka hendaklah diusir keluar seperti yang pernah dilakukan terhadap pendatang haram asing suatu ketika dulu, supaya keselamatan negara tidak terancam dan tergugat.

Kemasukan pendatang haram secara besar-besaran ini telah menimbulkan masalah sosial yang serius, khususnya masalah kegiatan jenayah. Jika dikaji kedudukan dalam negeri kita dalam dua tahun yang lepas, penglibatan pendatang haram dalam kejadian jenayah seperti pembunuhan, rompakan dan pecah rumah telah sampai ke peringkat yang membimbangkan. Bekas Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Haji Sardon pun telah menjadi mangsa perbuatan jenayah mereka.

Kita tidak boleh membiarkan keadaan ini berterusan dengan alasan bahawa kita menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh. Sepatutnya Kerajaan hendaklah mengkaji masalah kekurangan tenaga buruh ini dengan teliti dan terus mengatasinya dengan menggunakan tenaga buruh tempatan yang memang mencukupi untuk keperluan rancangan-rancangan pembangunan negara dan bukanlah dengan membenarkan orang asing datang ke negara kita untuk menikmati peluang pekerjaan yang wujud sebagai hasil pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

4.10 ptg.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1982 yang dibentangkan tempoh hari. Saya tidak

ragu-ragu mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan atas langkah-langkah yang telah diambil untuk menyediakan satu Belanjawan begitu rupa demi kepentingan rakyat jelata yang miskin dan juga pihak swasta supaya mereka semua dapat menikmati segala kemudahan, kemewahan dan kekayaan serta kemakmuran di negara kita ini.

Dengan adanya Belanjawan seperti ini maka tidaklah syak bahawa negara ini akan mara ke hadapan untuk mencapai tujuan dan hasrat Kerajaan menghadapi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan di samping menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara kita ini. Di samping itu juga saya ingin menyentuh beberapa perkara yang boleh dibaiki lagi supaya dapat mengatasi segala masalah-masalah yang mungkin timbul dalam usaha Kerajaan melaksanakan segala langkah yang telahpun dihuraikan dalam Ucapan Belanjawan di dalam Dewan Rakyat pada 23hb Oktober, 1981 dan telah dibentangkan Belanjawan itu di Dewan yang mulia ini pada 9hb. Disember, baru-baru ini.

Berhubung dengan perkara subsidi, sejumlah \$1,327 juta dalam Belanjawan 1982 untuk petroleum, padi, pertanian dan getah adalah merupakan satu subsidi yang besar. Bagi minyak diesel, minyak tanah dan bahan-bahan berkaitan dengan petroleum sebanyak \$750 juta telah diperuntukkan, manakala hanya \$38 juta telah diuntukkan bagi tanaman semula getah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya khuatir ialah dengan adanya sesuatu peruntukkan begitu besar bagi bahan-bahan petroleum pada masa ini Kerajaan mungkin didesak pula pada satu masa nanti untuk memberi suatu peruntukkan yang lebih besar lagi dari sekarang ini jika kenaikan harga pasaran petroleum dinaikkan nanti. Dengan ini juga Kerajaan akan dengan tidak langsung memikul beban yang sepatutnya dipikul oleh syarikat-syarikat minyak yang mendapat keuntungan yang besar tiap-tiap tahun. Ini telahpun dibuktikan dalam Penyata Kira-kira Tahunan yang disebar menerusi suratkhbar-suratkhbar tempatan tiap-tiap tahun di mana keuntungan adalah berjumlah berjuta-juta ringgit oleh tiap-tiap syarikat minyak yang ada di negara ini.

Sepatutnya syarikat-syarikat minyak khasnya dan syarikat-syarikat lain amnya memberi kerjasama kepada Kerajaan Malaysia kita ini untuk merapatkan sedikit sebanyak kerugian ataupun kenaikan harga demi menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan mereka dan rakyat Malaysia ini. Dengan berbuat demikian syarikat-syarikat ini akan dengan cara tidak langsung mengawal inflasi. Kerjasama syarikat-syarikat minyak adalah satu perkara yang perlu dalam hubungan ini kerana tiap-tiap kali kenaikan harga minyak diumumkan, tiap-tiap kali itu juga harga barang-barang keperluan rumah tangga dinaikkan, kononnya belanja tambang pengangkutan adalah naik kerana harga minyak naik. Akibatnya tiap-tiap barang yang rakyat membeli itu naik, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah bukan pemberian subsidi kepada syarikat-syarikat minyak untuk menampung kos pengeluaran bahan-bahan minyak tetapi adalah lebih mustahak dan penting untuk memastikan bahawa pemberian subsidi itu akan dapat mengawal inflasi dan seterusnya memberi faedah kepada rakyat jelata, terutama rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah. Tidak ada makna jika pemberian subsidi itu akan hanya menguntungkan syarikat-syarikat minyak untuk mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi tetapi rakyat mengalami keberatan dari tidak merasai faedah subsidi itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah untuk Kerajaan mengaturkan satu rancangan di mana sumber subsidi boleh dikurangkan dari apa yang diuntukkan itu dan disalurkan kepada penanam-penanam semula getah atau tanaman semula getah. Negara Malaysia adalah terkenal di seluruh dunia sebagai negara yang kaya dalam keluaran getah tetapi hari ini keadaan pekebun-pekebun kecil getah tidaklah seperti pada masa-masa yang lepas.

Baru-baru ini sahaja kita dengar Naib Persiden Bank Dunia telah menyatakan bahawa harga getah asli akan melambung naik pada pertengahan tahun 1985, demikian juga kita telah melihat beberapa kali harga

getah telah naik tetapi keadaan orang-orang kampung atau peladang-peladang getah yang kecil masih tidak begitu memuaskan. Ini adalah kerana tidak ada penasihat dan bantuan Kerajaan yang cukup untuk memastikan bahawa mereka tidak dapat mengeluarkan getah yang bermutu tinggi dan cukup supaya pendapatan mereka akan dapat dicapai ke paras yang boleh dikatakan lumayan. Oleh kerana bantuan subsidi itu adalah paling kecil saya kira, iaitu hanya \$38 juta sahaja maka saya khawatir segala rancangan untuk membantu pekebun-pekebun kecil tidak dapat diusahakan nanti. Nampaknya pekebun-pekebun kecil atau ladang-ladang kecil yang ada sekarang ini tidak akan dapat dimajukan selaras dengan kehendak Kerajaan selagi subsidi yang cukup dan nasihat pakar-pakar getah disalurkan kepada mereka dengan segera. Ini adalah penting sebelum mereka menebang pokok-pokok mereka yang ada sekarang dan diganti dengan tanaman-tanaman lain. Jika ini berlaku nanti, pada suatu masa akan datang saya takut negara ini akan hilang satu hasil yang penting dan selama ini telah mengharumkan nama Malaysia di seluruh dunia.

Saya bercadang supaya FELDA, KESEDAR dan lain-lain badan yang berkaitan mengambil daya usaha dan langkah supaya memastikan pekebun-pekebun kecil ini akan terus menanam getah. Kerajaan pula hendaklah menentukan bahawa subsidi bagi getah adalah cukup.

Demikian juga berkaitan dengan subsidi kepada penanam-penanam padi. Tiap-tiap bantuan baja yang diberi sebagai subsidi kepada penanam-penanam padi hendaklah digunakan sepenuhnya mendapat hasil yang baik di samping meninggikan pendapatan mereka. Jika pembaziran subsidi itu berlaku maka bukan sahaja Kerajaan akan mengalami kerugian bahkan penanam-penanam padi itu sendiri juga akan menanggung kerugian.

Saya telah mengemukakan soalan di Dewan yang mulia ini menanyakan Menteri yang berkenaan tetapi malangnya kerana soalan itu di bawah tak sempat dijawab, tetapi saya menerima kertas jawapan secara bertulis oleh Yang Berhormat Menteri

Pertanian di mana beliau menyatakan ia tidak sedar adanya pembaziran ataupun tidak digunakan sepenuhnya baja-baja subsidi yang telah diberi kepada rakyat.

Saya tidak tahu sangat di lain-lain negeri, tetapi di negeri Kelantan khususnya oleh sebab kita tidak mengkaji dan tidak menyiasat dengan secara mendalam, maka terdapat baja subsidi padi yang diberikan itu boleh jadi melebihi daripada had yang sepatutnya, oleh sebab itulah petani-petani tidak menggunakan baja itu sepenuhnya dan dilonggokkan di tiang-tiang rumah mereka sehingga baja itu terkena hujan, terkena air dan sebagainya pun tidak dipedulikan. Ada petani yang terlalu rajin barangkali digunakan pula baja itu untuk tanaman lain selain daripada padi walaupun mereka tahu bahayanya kepada tanaman itu tetapi digunakan juga seperti digunakan untuk tanaman tembakau dan sebagainya.

Satu perkara yang besar juga barangkali oleh sebab Kerajaan pada masa itu tidak begitu halus menyiasat dan mengkaji banyak lot tanah sawah, tanah padi tetapi buat masa ini lot tanah itu sudah pun didirikan rumah, tetapi dalam geran tanahnya masih lot padi. Apabila mereka membawa geran tanah mereka menyatakan ada lot padi seluas 1-1½ ekar maka subsidi bajapun dapat sedangkan baja itu tidak lagi boleh digunakan untuk menanam padi kerana padi itu tidak ditanam, tanah yang dia ada itu telah pun didirikan rumah. Jadi saya memohon kepada Kementerian Pertanian hendaklah mengkaji semula pengeluaran subsidi supaya subsidi yang kita keluarkan itu benar-benar mendatangkan keuntungan kepada rakyat dan tidak menjadi pembaziran wang negara.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil kira semua aspek sebelum membentangkan belanjawan tahunan baru-baru ini, beliau telah mengadakan rundingan dengan pihak swasta, Kerajaan-kerajaan Negeri, ahli-ahli perniagaan, ahli-ahli bijak pandai dari universiti, pakar-pakar ekonomi dan lain-lain sebelum membuat sesuatu keputusan atas Belanjawan. Ini telah dibuat dan amalan ini telah dipuji dan disokong bukan sahaja oleh semua golongan malah juga daripada rakyat jelata. Saya rasa beliau juga akan

memberi perhatian berat atas pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh sedikit mengenai Lembaga dan Urusan Tabung Haji (LUTH). Perkara berhubung dengan LUTH ini sungguhpun ada sahabat saya telah sentuh dua hari sudah, saya suka menyentuh iaitu apa yang saya difahamkan LUTH ditubuhkan pada mulanya dengan satu tujuan yang cukup suci dan murni iaitu untuk membantu bakal-bakal Haji yang hendak menunaikan fardu Haji ke Mekah sebagai menunaikan satu daripada Rukun Islam yang kelima.

Pada masa penubuhan LUTH itu saya juga difahamkan ahli ekonomi juga dipanggil berunding dan alim ulama juga dipanggil berunding tetapi pada masa ini nampaknya LUTH telah terlibat dengan perniagaan, sengaja melibatkan diri dengan perniagaan. Kita ingin mengkaji kembali tujuan asal penubuhan LUTH itu sendiri. Pada saya merasakan bahawa penubuhan LUTH ini adalah satu perkara yang baik dan menggembirakan rakyat jelata dan seluruh umat Islam kerana inilah satu-satu tempat mereka bergantung untuk mereka hendak menunaikan fardu Haji. Kalau itulah difahami oleh kita semua, maka haruslah satu pandangan dan tindakan yang serious patut diambil dan patut diperbaiki khususnya dengan kesan-kesan peristiwa yang berlaku pada tahun 1981, sebagaimana yang tersiar dalam suratkhbar, orang kampung bercakap, Ahli dalam Dewan yang mulia inipun bercakap, dalam Dewan Rakyatpun bercakap, di mana-mana juga orang bercakap mengenai LUTH. Bakal-bakal Haji kita pada mulanya diarah atau diminta barang siapa hendak menunaikan fardu Haji pada tahun 1981 mestilah memenuhi syarat.

Satu daripada syaratnya menyerahkan wang sebanyak \$4,500 kepada LUTH, barulah nama mereka diregisterkan dan ditentukan pelayarannya ke Tanah Suci Mekah. Apakala jemaah Haji kita sampai ke Mekah, ada setengahnya tidak ada membawa wang selain daripada wang yang diserahkan kepada LUTH \$4,500 tetapi ada juga yang agaknya barangkali mempunyai kewangan

yang lebih sedikit ataupun jiran dia bersedekah ketika hampir dia hendak turun daripada rumah pergi ke Mekah dia membawa wang lebih. Sepanjang pengalaman yang saya tahu, kerana saya juga tahun 1981 baru-baru ini berkesempatan sama menunaikan fardu Haji—ini bukan saya hendak beritahu saya seorang Haji—tetapi semasa saya di sana sengaja saya titikberatkan melihat keadaan jemaah Haji kita di sana. Saya berani mengatakan di sini bahawa jemaah Haji kita di sana telah dipermainkan oleh Syeikh Haji. Ada setengah Syeikh Haji memaksa jemaah haji kita membayar sewa rumah dan lain-lain sebanyak 2,000 rial tiap-tiap seorang jemaah Haji.

Saya menerusi Dewan yang mulia ini; suka mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duta Besar kita ke Jeddah, Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa, yang telah mengambil daya usaha sungguh-sungguh sehingga tiga kali beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Syeikh Haji. Akhirnya, kali ketiga perjumpaan itu ada tiga Syeikh Haji. Akhirnya, kali ketiga perjumpaan itu ada tiga Syeikh Haji yang sanggup menerima pembayaran sebanyak 1,600 rial bagi tiap-tiap jemaah Haji, Syeikh Haji yang lain tak sanggup kurang daripada 2,000 rial. Jadi mana-mana jemaah Haji yang telah dipaksa membayar 2,000 rial, wang poketnya sudah tidak ada lagi.

Barangkali ada juga banyak di antara Ahli-ahli yang menunaikan fardu Haji baru-baru ini dapat tahu satu botol air 3½ rial, lebih mahal air dari minyak di Arab Saudi. Kalau minyak 3½ rial boleh dapat 2 gelen. Tetapi kita terpaksa kena minum air, terpaksa kena beli air kerana kalau tidak, kita tidak boleh tahan, kerana keadaan hawa di sana panas. Jadi di sini menunjukkan satu kelemahan pada Tabung Haji kita sebab tidak ada suatu perjanjian yang mutlak dan yang muktamad di antara Tabung Haji dengan Syeikh-syeikh Haji di Mekah. Jadi bila sampai di sana ikut apa kata Syeikh. Rakyat kita terpaksa kena ambil syeikh, terpaksa pilih mana syeikh kerana mereka yang datang ada yang tua, penat mahu tidak mahu mereka hendak tidur sahaja, terutama hari yang pertama hendak tidur dan ada yang pening dan bermacam-

macam. Ini juga satu kelemahan yang saya suka sebutkan di sini iaitu kerana tidak ada suatu perkiraan, suatu perjanjian, suatu perundingan sebelum daripada Tabung Haji memberitahu kepada jemaah Haji berapa wang patut diserahkan kepada Tabung Haji. Ini akibatnya ramai rakyat kita berhutang wang kawan dan sebagainya dan ada yang malu hendak berhutang barangkali susahlah hidup di Mekah selama 40 hari atau sebulan.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sentuh mengenai dengan Pegawai-pegawai Kebajikan Tabung Haji yang bertugas baik di Jeddah, mahupun di Mekah, di Arafah, di Mina mahupun di Madinah. Saya nampak pegawai-pegawai yang ditugaskan itu terlalu budak-budak sangat, orang-orang yang muda sangat yang hendak menjaga, hendak melayani, hendak mengambil hati orang-orang tua bakal haji kita yang kebanyakan 50 tahun atau 60 tahun, 70 tahun pun ada. Jadi sudah tentulah pandangan atau layanan dan perhubungan di antara orang muda dengan orang tua ini tidak seimbang, tidak sama. Saya juga melihat Pegawai-pegawai Kebajikan Tabung Haji ini berjalan di Arafah bawa bendera, dia gulung bendera dijadikan tongkat. Tujuan membawa bendera itu supaya orang kenal dia pegawai daripada Kerajaan Malaysia. Kalau kita lihat betul-betul atau perhati betul-betul kita berasa malu, bendera Malaysia itu dibuat tongkat, tidak ada penghormatan kepada bendera Malaysia kita tetapi itu perkara kecil, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak maksudkan di sini bagi masa yang ke hadapan dan kalau boleh musim Haji pada tahun 1982 ini eloklah Tabung Haji mencari pegawai-pegawai yang hendak dihantar bertugas sebagai pegawai kebajikan (welfare) ini orang-orang yang agak berumur sedikit, 30 tahun, 40 tahun ke atas ataupun 50 tahun ke bawah. Jadi barulah sesuai dengan orang yang kita hendak layan di sana itu ialah orang tua.

Berhubung dengan perkara Jemaah Haji ini ada satu lagi perkara yang amat mustahak juga. Saya hendak bawa contoh, kelmarin pun ada dalam suratkhbar Pengarah Perubatan meminta Tabung Haji mengemukakan hujah-hujah atau mengemukakan bukti-bukti yang menyatakan pegawai-pegawai

perubatan itu tidak begitu baik. Saya berani bertegas di Dewan yang mulia ini bahawa pemilihan pegawai-pegawai perubatan ini yang terdiri daripada doktor-doktor atau jururawat-jururawatnya mestilah dibuat dengan teliti dan dipilih orang yang ada semangat hendak menolong orang untuk berkhidmat di tanah suci Mekah. Kalau kita pilih sesiapa sahaja yang hendak pergi berkhidmat di sana maka terjadilah sebagaimana yang berlaku pada tahun 1981 dan tahun-tahun yang sudah. Kita tahu, barangkali Tuan Yang di-Pertua pun tahu rakyat kita, orang Melayu, orang Islam kita di sini tidak sama kelakuannya dengan kelakuan orang Arab di Mekah, minta maaf kalau ada orang Arab di sini, orang Arab di Mekah kelakuannya cukup kasar, tetapi rakyat Malaysia, orang Islam di Malaysia ini tidak suka berkasar, kalau boleh.

Saya sendiri pada suatu hari berada di hospital, bukan sakit sangat, sengaja hendak tengok keadaan, jadi saya melihat orang-orang tua kita datang hendak berjumpa dengan doktor, hendak minta ubat, baik jururawatnya mahupun doktornya melayani orang-orang kita ini dengan tidak senonoh sungguh, tidak sepatutnya. Pakcik mahu apa? Itu perkataan yang dikeluarkan sampai orang tua itu, menggelatar tak boleh cakap sakit lagi.

Satu perkara juga yang saya tidak tengok, tetapi kawan saya menceritakan kepada saya: satu hari seorang tua telah datang ke hospital, bila sampai di hospital doktor yang bertugas pada masa itu keluar sekejap, tetapi ada doktor lain, ia tidak mahu memeriksa orang sakit itu. Katanya bukan tugas dia, pada masa itu dia off. Dengan takdir Allah s.w.t. bakal haji kita itu meninggal dunia. Saya tidak tahu dan saya tidak mahu katakan kerana tidak dirawat itu ia mati, tetapi inilah keadaan yang berlaku. Jadi saya mintalah kepada pihak Kerajaan, khususnya pihak Tabung Haji sewaktu hendak memilih pegawai-pegawai perubatan ini, kalau kita kata kita hendak pilih doktor daripada Johor umpamanya, kita minta awal-awal lagi, minta nama daripada Johor dengan diberi arahan kepada Pengarah Kesihatan Johor apa yang kita hendak; orang yang bersifat ini, beri syarat-syarat lebih kurang. Kalau hendak dari Kelantan pun sama juga dan daripada Pulau Pinang pun

sama juga. Jadi barangkali Pengarah Kesihatan di tiap-tiap negeri tahulah mana dia orang yang bengis sedikit, mana orang yang lemah-lembut sedikit dan mana dia orang yang kasar sedikit. Saya ingat dia tahu dan dia boleh menghantarkan nama orang yang kita kehendaki dan sebelum daripada mereka semua naik kapal terbang untuk bertugas di Mekah patutlah pihak berkuasa Tabung Haji memberikan mereka itu amanah menerangkan keadaan Jemaah Haji kita orang yang berumur 60 tahun ada berapa ribu orang, menerangkan kepada dia dengan harapan dan doa kita supaya mereka bertugas di sana dengan khidmat yang lebih selesa. Jangan ambil peduli langsung tabiat Arab yang kasar, dengan kekerasan yang dilakukan oleh orang-orang Arab, kita kena sesuaikan diri kita dengan masyarakat kita walaupun kita berada di negeri Arab sana.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berhubung dengan jalanraya, perkara ini kelmarin sudah dicakapkan oleh kawan saya. Saya ingin mengulangkan apa yang telah berkali-kali disebutkan sama ada di Dewan Rakyat pun timbul, di Dewan-dewan Undangan Negeri pun timbul dan di Dewan Negara inipun timbul. Saya tidak tahu apakah masalah-masalah yang masih ada di empat jabatan iaitu Jabatan Telekom, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair yang menyebabkan mereka ini tidak boleh berunding dan tidak ada penyelarasan kerja-kerja mereka di atas pembinaan jalan-jalanraya. Sebagaimana yang disebutkan kelmarin dan ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya kelmarin yang menyatakan cuma jalanraya di Kuala Lumpur, ini sahajalah kerana hendak mengelakan daripada traffic-jams dibuat begitu. Tetapi di peringkat negeri-negeri lain belum ada begitu. Walaupun perkara ini disuarakan berkali-kali sebagaimana yang disebutkan dalam soal-jawab kelmarin, jalanraya siap dibina datanglah penggalinya. Mula-mula barangkali LLN gali, timbun tanah; jika LLN telah siap baiki, datanglah pula Telekom menggali. Saya tidak fikir perkara seperti ini tidak boleh dibuat satu penyelarasan sedangkan kerja-kerja lain yang besar boleh diusahakan oleh JKR. Jadi saya mintalah supaya perkara ini, tahun 1981

hampir tamat, dalam tahun 1982 kita minta dan saya berharap dalam Dewan Negara ini, Dewan Rakyat atau di mana Dewan pun tidak ada lagi orang menyebut tentang ini dan saya harap pihak Jabatan Kerja Raya sebagai yang empunya jalan yang dibina itu cari jalan buat satu penyelarasan sewaktu hendak membina mana-mana jalan raya atau hendak memasang apa-apa juga pasangan yang patut dibuat seperti yang saya katakan tadi.

Saya ingin menyentuh satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan dakwah. Baru-baru ini kita telah melihat dan membaca bermacam-macam berita buruk berkaitan ajaran palsu, ajaran sesat dan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Ada orang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahadi, ada pula yang mengaku sebagai seorang ulamak yang besar dan lain-lain. Ini semua adalah dengan tujuan mempengaruhi orang-orang kampung. Mereka tahu bahawa setengah orang-orang kampung kita tidak mempunyai pengetahuan cukup dengan ajaran-ajaran agama yang maha suci. Mereka tahu bahawa ada di antara orang-orang kampung kita yang masih buta huruf, oleh itu mereka ini senang dipengaruhi oleh orang-orang yang mengaku dirinya sebagai ulamak dan bijak pandai dalam agama Islam. Perbuatan mereka ini adalah semata-mata untuk menggunakan orang-orang kampung itu untuk kepentingan mereka sama ada untuk kepentingan politik mereka ataupun untuk kepentingan-kepentingan lain.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam kita baru-baru ini di Trengganu telah memberi amaran keras bahawa beliau tidak teragak-agak dan tidak teragu-ragu untuk mengambil tindakan tegas ke atas sesiapa juga yang menyeleweng berhubung dengan gerakan menghasut dan memecah-belahkan umat Islam di negara kita ini. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri, pihak Polis dan Pejabat Agama di tiap-tiap negeri akan mengambil tindakan yang tegas atas kegiatan yang tidak sihat ini. Saya juga berharap supaya orang-orang ini, jika perlu, jika tidak ada jalan lain boleh kita hapuskan; hendaklah didakwa di mahkamah dan

didenda dengan seberat-beratnya supaya memberi satu pengajaran kepada orang-orang lain supaya tidak bergiat seperti yang telah dilakukan oleh kawan-kawan mereka sendiri. Saya sekali lagi mengatakan bahawa apa amaran yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri ini adalah satu perkara yang baik, diharap rakyat akan menerima dengan baik dan menghindarkan kegiatan-kegiatan sebagaimana yang saya katakan tadi.

Menyentuh tentang perkara pinjaman bank bagi pengusaha-pengusaha bumiputera, saya telah diberitahu bahawa banyak pengusaha-pengusaha ini tidak dapat pinjaman untuk perniagaan mereka. Mereka ini ialah pengusaha-pengusaha kecil, bantuan kewangan adalah penting jika mereka hendak maju dalam bidang perniagaan. Jika mereka ini sukar mendapat pinjaman maka segala urusan mereka untuk meneruskan perniagaannya akan tergendala. Hasrat Kerajaan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan tidak akan dapat dicapai selagi sikap bank-bank itu tidak diubah.

Saya contohkan di sini Bank Pertanian. Saya difahamkan bahawa Bank Pertanian ini telah ditubuhkan khasnya untuk membantu kaum petani. Memang perlu ada sebuah bank untuk petani-petani kita yang dahagakan bantuan kewangan. Selama ini Bank Pertanian memang memberi bantuan yang diperlukan itu, saya tidak nafikan, tetapi apa yang mendukacitakan petani-petani dan pengusaha-pengusaha yang ada hubungan dengan petani-petani kita pada masa ini ialah sikap Bank Pertanian baru-baru ini. Saya diberitahu oleh pihak penanam-penanam dan pengawit-pengawit tembakau khasnya bahawa Bank ini telah membuat ketetapan untuk mengenakan faedah 13% kepada mana-mana pinjaman yang \$50,000 ke atas, sedangkan bank-bank lain yang saya tahu hanya mengenakan 10% hingga ke 11% sahaja bagi pinjaman mereka. Kepada Bank Pertanian juga dikenakan syarat cagaran tanah dan sebagainya yang rakyat telahpun membuat cagaran sebagaimana yang diisyaratkan oleh pihak bank.

Saya khuatir langkah ini akan membawa kesusahan bagi mereka dan bukannya kesenangan seperti yang diharap-harapkan oleh petani-petani kita yang miskin. Jika hasrat Kerajaan itu adalah untuk menolong petani-petani kita, tindakan segera patutlah diambil oleh pihak bank terutama sekali sebagaimana saya katakan tadi, Bank Pertanian untuk mengurangkan faedah itu. Kalau boleh, 1% atau 2% dikurangkan dari apa yang dikenakan oleh bank-bank lain selain daripada Bank Pertanian.

Apa yang perlu ialah untuk bank-bank menyediakan satu tabung khas, khasnya membantu bumiputra. Di samping memberi pinjaman itu adalah juga perlu bagi bank-bank untuk memberi nasihat, pandangan dan cadangan kepada pengusaha-pengusaha kecil ini. Dengan adanya nasihat pandangan-pandangan ini, pengusaha-pengusaha kita dari kaum bumiputra akan dapat maju dalam bidang perniagaan mereka. Ini juga dengan tidak langsung akan memberi jaminan kepada bank-bank untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman yang diberikan itu.

Saya berharap cadangan ini akan dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan segera sebagai satu langkah untuk membantu kaum bumiputra kita yang selama ini ketinggalan dalam bidang perniagaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa confident segala masalah yang kita hadapi ini akan dapat diatasi, akan dapat diselesaikan dalam jangka masa yang pendek oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita yang baru dengan sokongan daripada Menteri-menteri yang lain. Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam yang mana telah membuktikan dalam masa singkat sahaja bahawa mereka berdua ini boleh membuat berbagai-bagai keputusan dengan berani dan melaksanakan apa juga projek untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekianlah dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1982.

4.50 ptg.

**Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun:**  
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

mengambil sedikit bahagian dalam membahaskan dan membincangkan Anggaran Peruntukan Belanjawan Malaysia bagi tahun 1982 sebagaimana yang telah dibentangkan satu persatu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia.

Sebelum saya menyentuh satu-satu perkara mengenai dengan Anggaran Peruntukan Belanjawan itu, sukacita saya hendak menyampaikan di Dewan ini ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya menumpu, mengkaji dan membentangkan satu Anggaran Peruntukan Belanjawan 1982 sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Bercakap berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru adalah sangat tepat dasar itu dibuat untuk meningkatkan mata pencarian rakyat di negara ini khasnya bagi mengesimbangkan pendapatan bumiputra di antara bukan bumiputra terutama dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk mencari matlamat sekurang-kurangnya 30% bagi bumiputra sehingga 1980. Dasar tersebut telah dikaji, dicipta dan diluluskan oleh Kerajaan. Masalahnya sekarang ialah hendak mengisi dan melaksanakan dasar itu mengikut peratus yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya ini bukanlah satu perkara yang mudah bagi kita terutama bumiputra hendak mencapai matlamat itu disebabkan berbagai-bagai masalah seumpama pengalaman, perhubungan, kewangan dan lain-lain lagi. Ini terbukti di dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Saya agak belum lagi sampai 100% bumiputera yang betul-betul berkecimpung dalam usaha tersebut. Walau bagaimanapun galakan daripada Kerajaan sudah ternampak nyata dan apa yang hendak dikatakan sekarang ini ialah bimbingan, dorongan, latihan, tunjukajar dari pihak-pihak pentadbir Kerajaan untuk membolehkan kaum bumiputra itu merebut peluang-peluang keemasan di dalam berbagai-bagai agensi-agensi Kerajaan ataupun dari Kerajaan sendiri. Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan telah menggalakkan bumiputra menjadi pemborong-pemborong binaan, bekalan dan lain-lain lagi. Dengan

galakan itu kita dapati bahawa bumiputra telah mula berlumba-lumba mara ke hadapan merebut peluang itu dan adalah diharapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan mana-mana pihak yang terlibat mengurus, menimbang dan memutuskan sesuatu itu dapat benar-benar mengikut prinsip dan lunas-lunas keadilan bagi kemasyarakatan yakni kajian dan siasatan yang menyeluruh hendaklah dicungkil sebelum keputusan muktamat dibuat.

Dalam bidang pembayaran kerja-kerja pemborong, adalah difahamkan bahawa Kementerian Kewangan telah mengarah pihak-pihak yang berkenaan supaya membuat bayaran segera yakni dalam tempoh sebulan setelah tuntutan itu diterima dan ini adalah sesuai untuk membolehkan pemborong-pemborong itu menjalankan kerja-kerja dengan tidak tergendala khasnya ditujukan bayaran tuntutan yang dibuat dari peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri.

Saya juga telah difahamkan bahawa Kementerian Kewangan sentiasa mengeluarkan surat-surat pekelilingnya kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan agensi Kerajaan untuk dipakai dan menyelaraskan harga satu-satu perkara umum, harga jenis bahan-bahan binaan dan bekalan. Ini adalah didapati sesuai, bijak dan adil dan seterusnya wajiblah dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan. Dengan berbuat demikian segala binaan yang dihadapi oleh pemborong itu akan berkurangan dan ini adalah satu cara yang mudah bagi pihak Kerajaan menolong mereka itu.

Saya berpendapat iaitu jika sekiranya Dasar Ekonomi Baru itu dapat ditadbir dan dilaksanakan dengan lancar dan licin insya allah Tuhan akan mengurniakan taufik dan hidayat kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan seterusnya adalah diharap dan dipercayai bahawa rakyat akan berdiri teguh menyokong Kerajaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B. 63, Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Dalam Anggaran Peruntukan Belanjawan 1982 bagi Kementerian Kerja Raya

dan Kemudahan-kemudahan Awam adalah didapati banyak tambahan-tambahan Anggaran Peruntukan diberi kepada Kementerian ini khasnya bagi mengadakan kemudahan-kemudahan di luar bandar seperti jalan raya, air, bangunan dan sebagainya. Dengan tambahan peruntukan yang diberi ini adalah diharapkan semoga kerja-kerja melaksanakan itu akan dapat dimulakan dengan secepat mungkin yang boleh supaya rakyat tidak sentiasa bersungut mengatakan bahawa ada jalan-jalan raya lekuk-lekik dan berlubang, air paip tiada dan sebagainya. Sebagai contoh baru-baru ini berlaku di Temerloh dan Kuantan, seluruh penduduk mengalami kekurangan air. Perkara yang berlaku itu amat merunsingkan berlarutan dengan kekurangan atau tiada air mereka terpaksa mengambil air di sungai-sungai yang berdekatan atau di telaga-telaga yang tidak bersih. Di segi kesihatan pula ini adalah merbahaya jika seseorang itu menggunakan air seumpama itu. Begitu juga, pada tahun 1981 ini pada bulan November hampir 4 kali di bandar Kuantan sendiri tidak mempunyai air sehingga 3-4 hari.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seumpama ini berlaku sangatlah menyedihkan penduduk-penduduk dengan tidak memberi satu amaran atau supaya bersiap sedia air adalah kekurangan dan sebagainya. Terutama sekali kesulitan yang dialami oleh murid-murid sekolah yang duduk di asrama. Mereka terpaksa tidak makan nasi kadang-kadang sampai satu hari terpaksa makan roti oleh sebab tiada air. Apa yang muskil rasa saya sepatutnya Jabatan Kerjaraya berusaha menghantar air ke tempat-tempat yang saya katakan tadi supaya murid-murid ini tidaklah tinggal dengan tidak makan nasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh kepada Maksud P. 63, muka surat 601, Butiran (Projek) 81—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Pahang: Bekalan Air Temerloh/Mentakab dan Bekalan Air Kuantan—\$17 juta. Lepas itu Bekalan Air Greater Kuantan. Ini saya harap mendapat penjelasan apa dia "Greater Kuantan" itu sebanyak \$8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, air sangat mustahak kepada manusia, saya harap perkara ini dapat diatasi dengan seberapa segeranya.

Saya juga ingin menyentuh Maksud B. 40, Polis Diraja Malaysia.

Peruntukan tahun 1982 adalah bertambah sebanyak 28.3%, dengan pertambahan ini diharap Kementerian ini dapat menimbangkan semula bagi membekalkan senjatapi kepada anggota-anggota Polis yang berjalan kaki sewaktu meronda kerana pada masa ini keselamatan seseorang anggota Polis yang bertugas tidak terjamin. Kita tidak tahu siapa musuh dan siapa kawan. Oleh itu saya rasa cotar tidak ada gunanya langsung pada masa ini. Ada pepatah menyatakan: air yang tenang, jangan disangka tiada buaya.

Tuan Yang di-Pertua, cotar itu hanya digunakan kalau kita hendak mengawal kanak-kanak bergaduh, bolehlah kita gunakan kayu itu, mungkin dia takut iaitu kanak-kanak yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun. Tetapi kalau kita hendak mengawal si musuh, saya rasa tidak ada gunanya. Dengan itu saya rasa simpan cotar dan bekalkan senjatapi kepada mereka. Apa yang telah berlaku pada 24hb November, 1981 kepada anggota Polis di Rembau, baru-baru ini saya rasa perlu Kerajaan mengambil perhatian yang berat. Mereka berkhidmat kerana negara dan perkara seumpama ini saya harap tidak akan berlaku lagi.

Saya pergi kepada P. 64, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Butiran 1, tajuk Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan 1982, Perkara (iii) Jalan-jalan FELDA. Peruntukan yang diberikan pada tahun 1982 ialah sebanyak \$56,590,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi rancangan FELDA ini kalau tidak silap ingatan saya telah pun bermula pada tahun enam puluhan sehingga hari ini hampir 20 tahun tetapi kita masih lagi dapati jalan-jalan di FELDA itu tidaklah memuaskan terutama sekali saya suka memberi sedikit contoh iaitu di Panching Selatan. Jalan masuk ke rancangan yang mana kita harap peserta-peserta ini pergi mengambil buah-buah kelapa sawit di tanah-tanah rancangan maka jalan-jalan yang ditempuh oleh mereka itu berlubang-lubang, bukannya kecil sampai satu pemelok besar lobangnya dan perkara ini telah dirayu beberapa kali supaya dibaiki

oleh orang berkenaan tetapi malangnya tidak dihiraukan sehingga akhir tahun setelah peserta-peserta itu buat aduan di sana dan di sini dan juga berjumpa saya, maka pihak yang berkenaan mengorder tanah berlori-lori masuk ke dalam lubang dengan tidak ada apa-apa, letak sahaja begitu. Apa telah jadi, akhir-akhirnya apabila tiba hujan, tanah tadi jadi lembek dan menjadi bubur dan lori tidak boleh masuk. Akhir sekali peserta-peserta yang menggunakan jalan itu lari daripada rancangan.

Kita berkehendakkan orang negeri Pahang sendiri menyertai rancangan FELDA, tetapi malangnya mereka lari, kerana apa? Buah tidak dapat diambil, tidak ada apa-apa pendapatan, anak ada di rumah terpaksa pergi keluar mencari kerja yang mana dapat ataupun yang pandai dapatlah bekerja di luar kemudian balik semula ke rancangan, tunggu juga; tetapi yang tidak berusaha tadi atau yang tidak pandai hendak membuat kerja-kerja lain daripada itu, lari—tinggal: Jadi, perkara semacam ini kita harap tidaklah berlaku dan dengan peruntukan itu supaya Menteri yang berkenaan dapat memberi sedikit sebanyak peruntukan membaiki seluruh rancangan FELDA yang ada di negeri Pahang, Saya telah menyaksi sendiri, Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan ini seolah-olah ada anak emas, dan ada anak perak. Jadi, kita tidak suka perkara ini berlaku. Dan juga saya berharap Menteri-menteri ini buat lawatan, pergi tengok sendiri, janganlah diharap kepada pegawai-pegawai.

Satu lagi saya pun rasa hairan, jambatan-jambatan ataupun bagi orang-orang di sebelah Pahang panggil "Gertak" digunakan kayu balak. Ditaruhnya kepada tempat yang berkenaan tadi kayu balak tetapi nilai harga jambatan kayu balak tadi \$12,000. Tuan Yang di-Pertua, pada masa zaman sains dan teknologi sekarang ini, tidak ada lagi jambatan seumpama itu! Ini saya harap Menteri yang berkenaan mengambil Perhatian yang berat, kita tidak mahu dipermain-mainkan oleh Pegurus-pengurus FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan peruntukan perbelanjaan bagi tahun

1981 maka pada pandangan saya bahawa keseluruhannya Kementerian-kementerian telah mendapat tambahan peruntukan perbelanjaan yang lebih bagi tahun 1982. Maka dengan bertambahnya peruntukan-peruntukan itu saya percaya jentera-jentera pentadbiran Kerajaan akan dapat berjalan dengan lancar dan licin yang mana sentiasa diperhati oleh seluruh rakyat dari masa ke semasa. Dengan sebab itu, kita pernah dengar pucuk pimpinan Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia menyuarakan azam dan cita-cita beliau semoga Kerajaan yang dipimpin olehnya sentiasa cekap dan dedikasi.

Oleh itu adalah diharapkan bahawa segala peruntukan perbelanjaan bagi tahun 1982 dapat dibelanjakan mengikut jadual. Maka dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1982 diluluskan. Sekian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain.

5.08 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, telah banyak diperkatakan tentang belanjawan 1982 yang akan datang ini. Sokongan banyak telah diberi, pujian telah banyak dihamparkan, tahniah banyak diucapkan, bangkangan tetap ada walaupun berkurangan. Teguran-teguran dan kecaman adalah asam garam usaha dan perjuangan, maka Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama untuk mengucapkan tahniah di atas pembentangan belanjawan 1982 ini yang dikira sebanyak \$13,430,056,320 itu, walaupun saya tidak pergi dengan cara detail satu-persatu, tetapi sedapat mungkin apa yang perlu membuat bangkangan dan teguran atas dasar membina mengenai belanjawan yang telah disiapkannya ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun kepada orang awam dan orang kampung tidak akan merasa keuntungan yang dinyatakan itu. Seperti biasa yang dapat lebih nikmat dari Belanjawan yang dibentangkan ini, yang banyak dapat nikmatnya ialah kepada orang-orang yang berada. Sebab usaha menambahkan pengeluaran dan usaha mengawal pertumbuhan harga melalui berbagai usaha

pengecualian cukai barang pengeluaran dan barang import adalah sangat baik tetapi kenyataan yang suka saya gambarkan ialah orang-orang di luar bandar.

- (a) Akan terus membeli barang-barang dengan harga yang mahal, misalnya yang tidak dapat kita nafikan hari ini, harga ikan kembung di pekan-pekan kecil adalah lebih mahal harganya di pasar Kuala Lumpur dan seumpamanya.
- (b) Seperti barang-barang sudah ternyata seperti kamera, fountain pen, jam tangan, rokok, cuma menjadi barang-barang alatan kepada orang-orang yang berada, ini ternyata.

Dan kepada orang-orang kampung hal ini iaitu mengurangkan harganya tidaklah memberi apa-apa kesan kalau diperhatikan, kerana mereka tidak banyak memiliki dan membeli barang-barang itu kalau ada pun hanya amat sedikit peratusnya kalau dibilang.

Tuan Yang di-Pertua, malahan usaha Kerajaan menaikan pula bayaran motokar, lesen motokar dari \$20 kepada \$40 jelas ini lebih membebankan orang luar bandar kerana umumnya mereka ini lebih suka dan sanggup membeli kereta yang sudah terpakai sahaja. Maka itu dan dalam masalah ini bagi orang-orang luar bandar sanggup membeli kereta demikian kerana penggunaannya kereta itu adalah pendek maka selalu bertukar tangan dan dijual maka dengan hal ini amat membebaskan mereka, berbanding dengan orang yang berada dan pegawai Kerajaan dan yang makan gaji lebih berupaya membeli kereta yang lebih tahan, mahal dan pertukaran nama itu tidaklah menjadi apa-apa oleh kerana pemilik kereta di luar bandar ini dan penggunaan mereka adalah banyak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan bagi tahun 1982 ini, saya tidak akan membentangkan satu persatu dengan detail kerana saya yakin dan percaya hanya satu-satu perkara itu saya pergi dengan ringkas sahaja, sebab sudah banyak kali kita memperkatakan dalam satu-satu masalah tetapi saya tidak mahu mengulang-ulang dalam sesuatu apa yang sudah pernah saya perkatakan dalam Dewan ini. Cuma sesudah

dalam masalah penukaran lesen motokar, maka pergi pula mengenai subsidi. Tindakan Kerajaan bagi menambahkan ini adalah amat menggalakkan dan malahan programnya ini perlulah diperluaskan terutama kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Daripada apa yang diketahui hampir semua program subsidi yang dijalankan malahan RISDA, LPP atau Jabatan Pertanian mendapat sambutan yang amat baik malahan ada yang melebihi pula peruntukannya. Manakala hampir semua proper credit adalah agensi pertanian jabatan Kerajaan, RISDA dan sebagainya. Kebanyakan program proper credit itu menjadi piutang lapok iaitu kepada yang ada mengambil credit.

Dalam pada itu kebanyakan kemudahan credit itu memang tidak diambil oleh petani dan pekebun kecil terutama penjelasan kegagalan tanaman mereka, dan gagal dibayar balik. Tetapi yang lebih utama menyebabkan orang-orang kampung tidak suka mengambil credit iaitu takut akan hutang-hutang mereka itu tidak dapat dibayar kembali, dan akan membebankan anak cucu mereka sahaja nanti, maka kemudahan itu tidak diambil oleh mereka, seperti misalnya dapat kita sama-sama maklum, credit scheme—Penggalak Tanaman Semula iaitu SEPENTAS oleh RISDA. Orang kampung tidak banyak yang mengambil credit sara hidup di bawah proper SEPENTAS ini terutama kalau yang memiliki tanah-tanah kecil memang susah hendak bayar hutang balik, kerana pendapatan mereka kecil dan hutang selama 6 tahun kalau tidak salah saya berjumlah hampir \$7,200 Getah. Tanaman Semula 6 tahun \$100 credit tiap-tiap tahun selama 6 tahun. Ini sebenarnya beban sahaja. Kita mestilah faham kepada kenyataan orang-orang kampung takut mendengar hutang yang sebanyak \$7,200 itu kerana mereka tidak sanggup membayar.

Persoalan credit ini bukanlah dipaksa kalau kita dengar jawapannya, cuma boleh diambil kepada yang mahu. Sebenarnya semua orang mahu perubahan, tidak kira yang kaya terutama apa lagi orang yang miskin. Oleh itu adalah wajar pihak Kementerian yang berkaitan dan yang berkenaan mengkaji semula sistem credit itu dan kalau subsidi itu lebih disukai maka skim inilah yang

diperluaskan dan credit ini ditukar kepada subsidi sahaja. Ini lebih banyak menaifatnya kerana walaupun wang ada di bawah proper credit tetapi kalau tidak ada yang mengambilnya tidak ada makna kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pergi pula saya kepada bahagian SEDC iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri. Walaupun ada seorang dua Ahli-ahli Yang Berhormat sudah memperkatakan tetapi ingin saya membentangkan perkara yang sebenarnya dimana usaha-usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kajian terhadap kegiatan Perbadanan Kemajuan Negeri (SEDC) adalah amat digalakkan. Memanglah jelas banyak didapati kegiatan SEDC ini lebih merupakan tindakan ikut suka ketua politik tempatan, seolah-olah SEDC itu kepunyaan tokoh-tokoh politik itu tanpa mengira adakah program itu menguntungkan rakyat atau menguntungkan beberapa orang sahaja. Adalah paling mustahak bahawa setiap wang rakyat yang digunakan mestilah mendatangkan menafaat kepada majoriti rakyat dan hal ini amat jelas sekali diselewengkan melalui Laporan Ketua Audit Negara, maka dalam hal ini diharap mendapat perhatian. Maka saya mengucapkan tahniah di atas keberanian dan pendirian tegas Ketua Audit Negara yang telah mendedahkan penyelewengan-penyelewangan yang berlaku yang jumlahnya bukan \$10 atau \$20 juta tetapi hampir beribu-ribu juta ringgit. Ini adalah satu penyelewengan yang amat berat dan lebih teruk lagi dari kegiatan rasuah. Oleh itu usaha-usaha bersama Ketua Audit Negara dan yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu amatlah digalakkan, malahan bukan sahaja SEDC tetapi apa yang diharapkan kepada badan-badan berkanun dan Kerajaan-kerajaan Tempatan juga mestilah diadakan penyiasatan-penyiasatan serupa itu. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Tempatan ada melakukan lebih banyak kegiatan melalui watak-watak dalam Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pergi saya kepada B. 16 mengenai perumahan. Walaupun perkara ini saya dengar dari semalam, dari hari yang

mula kita membuat perbincangan Budget ini tetapi saya suka juga hendak menyentuh apa yang terdapat dan diperhatikan oleh pihak saya sendiri. Mengenai perkara itu kerana pengusaha mengenakan harga yang tinggi terhadap rumah-rumah dan cuma melayan orang-orang tertentu sahaja memberi pinjaman dan umumnya wang harga yang dikenakan pula amat tinggi. Adalah satu penyekatan yang teruk dalam keadaan demikian. Cuba fikirkan, untuk hidup selesa dalam satu rumah yang sederhana pun pada hari ini amat susah.

Sebenarnya usaha penyediaan rumah untuk rakyat adalah menjadi tugas utama Kerajaan. Maka inilah diperkatakan tetapi pada hari ini Kerajaan serah bulat-bulat kepada swasta bagi menyediakan rumah-rumah untuk rakyat, sudah tentulah pihak swasta bertindak sebagai pemerias, kalau hendak digunakan perkataan ini. Pada hari ini perumahan yang dikendalikan sendiri oleh Kerajaan dan SEDC amat sedikit sekali kalau berbanding dengan bilangan rakyat yang bertambah dari masa ke semasa dan itupun hanya rumah murah, ini memanglah bukannya murah. Saya tidak tahu dalam masalah ini di manakah tanggungjawab moral Kerajaan dalam menyediakan rumah-rumah untuk rakyat. Apa yang saya dapati pihak swasta memang berleluasa membuat rumah kerana ia memang laras dan laris walaupun harganya murah dalam menjalankan tugasnya. Yang amat bahaya sekali dalam tindakan ini ialah merupakan sindikit merancang kaum-kaum tertentu sahaja memiliki rumah-rumah, kepada kaum bumiputera maksimumnya harga 30% sahaja, ada tempat-tempat dan daerahnya.

Natijahnya, kalau orang individu amat susah hendak memiliki tanah yang bernilai dan berharga di bandar tetapi melalui perumahan, golongan yang hanya tertentu sahaja sekali gus dapat memiliki tanah dan rumah. Inilah dia matlamatnya, iaitu satu usaha yang dibuat bersungguh-sungguh dengan seberapa banyak dalam hal ini bagi menjalankan banyak kaum itu memiliki tanah dan rumah secepat mungkin dalam cara keadaan yang menyekat-nyekat ini.

Saya menyarankan agar semua rumah untuk rakyat, baik yang berharga murah dan mahal dapat diusahakan sendiri oleh pihak Kerajaan dan pihak swasta bolehlah menjadi pemajunya sahaja. Dengan cara ini tidak akan wujud lagi satu keadaan buruk di masa hadapan atau di masa akan datang. Kerajaan bertindak secepat mungkin, inilah saya harap supaya tidak lagi membebankan rakyat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi baru sebentar sahaja Dewan ini sudah bersidang berapa hari tidak sunyi dalam Dewan ini kita telah sama-sama mendengar masalah laungan dan suara dalam mengenai sama ada dalam soal-jawab dan juga dalam perbincangan Budget ini di dalam Maksud B. 7, iaitu berkenaan Tabung Haji. Saya di sini ingin bercakap sedikit, walaupun tahun ini tidak saya pergi tetapi beberapa tahun sebagai pengalaman yang jauh dan dekat sentiasa saya mengambil rekod detailnya, maka pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini saya tidak akan perkatakan secara detail, hanya sepintas dan ringkas sahaja.

Berkenaan Tabung Haji ini walaupun rungutan banyak oleh Jemaah-jemaah Haji di Mekah pada tahun ini saya rasa umumnya telah mengetahui, tak dapat dielakkan masalah ini bahawa rungutan itu adalah ditujukan kepada Syeikh-syeikh Haji di Mekah sahaja. Maka saya menyarankan kepada pihak Kerajaan agar persefahaman antara Kerajaan dan Kerajaan Saudi Arabia dalam menyelesaikan masalah yang ditimbulkan ini dan umum juga mengetahui usaha-usaha LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) yang mana adalah memberi banyak manfaat sebab kadangkala kita banyak membicarakan membuat komen dalam masalah ini, sama ada ketidakpuasan hati kita tetapi kita sendiri tidak tahu hubungan kontek antara LUTH dengan Saudi dan antara Syeikh dengan Jemaah, hanya kita dapat tahu benda yang zahir sahaja. Jadi secara detail mendalam saya cukup mengetahui masalah ini maka sebab itu saya tekankan cubalah dengan segera pihak Kerajaan agar dapat persefahaman antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Saudi supaya dapat menyelesaikan masalah yang begini ribut sekali.

Dalam masalah ini juga kita mesti fahamkan di mana Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini banyak memberi manfaat di beberapa segi, ternyata terutama segi ekonomi Islam; kedua keselesaan beribadah untuk menyempurnakan Rukun Islam yang kelima itu dan yang ketiga, keselamatan menyimpan wang bagi jemaah-jemaah serta pelaburannya. Usaha-usaha ini patutlah digalakkan, dan dikemaskinikan lagi akan keselesaan di masa akan datang supaya dapat lebih banyak manfaat dirasakan, ini tidak dapat dinafikan oleh umum. Perkara yang kecil-kecil itu masing-masing kita boleh membuat rumusannya dan berfikir berbanding 22,000 jemaah Malaysia dengan tempat yang begitu kecil, apa lagi bercampur dengan jemaah seluruh dunia, sendiri membuat tafsiran. Dalam masalah ini kepada Pengarah LUTH dan Timbalan Pengarah LUTH dan kakitangan/pegawai-pegawai LUTH saya ucapkan tahniah di atas menjalankan tugas yang maha penting itu dengan penuh sabar yang datang dari kiri dan kanan berbagai-bagai apa masalah. Maka dengan ini demi untuk menunaikan kewajipan-kewajipan penting itu di masa akan datang, apa yang saya harapkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, dari Pengarahnya sampai kepada Pegawai-pegawainya hanya diperkemaskinikan lagi kehendaknya, tentang masalah-masalah yang lain sama-sama kita dapat memahami kalau sama-sama kita telah faham.

Pergi kepada maksud B. 6 dalam masalah Kementerian Pelajaran. Ini saya juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak hendak bercakap banyak kerana selalu di dalam membahaskan Budget ini sudah ditentukan beberapa perkara, alhamdulillah walau tidak secara langsungnya dapat juga kita sambutan yang baik kepada apa yang kita harapkan. Hanya hari ini saya mengharap agar di zaman kebangkitan Abad 15 Hijrah ini patutlah diikuti dengan kebangkitan pemesatan tulisan jawi kembali. Sebab saya katakan demikian kerana kita maklum sendiri betapa lemahnya di dalam tulisan jawi ini sekarang bahawa negara-negara Islam keseluruhannya menggunakan tulisan Arab yang saya percaya hari ini anak-anak muda kita yang ada di bangku sekolah hari ini peratusnya memang amat kurang sekali. Untuk

mengamalkan tulisan jawi ini dan menggemari tulisan jawi sebagai pundinya boleh dikatakan amat kurang peratusnya sekali. Jadi dalam hal ini Kerajaan mestilah bertindak segera supaya lebih sempurna lagi dengan apa yang dihadapi di dalam Abad Hijrah yang ke 15 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walaupun dalam soal-jawab banyak kita perbahaskan tetapi suka saya sentuh dengan ringkas di sini iaitu seimbangan import-eksport barang yang penting adalah antara negara jiran, Komanwel dan Eropah. Hari ini kita lihat tidak seimbang, kita banyak hanya mengimport barang-barang negara lain sedangkan barang-barang hasil negara kita tidak diminati oleh negara-negara tersebut. Maka saya harap kepada Kementerian yang berkenaan agar perseimbangan itu dapat berjalan dengan sempurna.

Saya pergi kepada B. 27 iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Walaupun di masa sudah saya telah sentuh dengan panjang lebar, hari ini ingin saya sentuh beberapa perkara yang belum saya sentuh. Sebagaimana yang kita dengar apa yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini saya tidak akan mengulangi, tetapi saya hanya tokok tambah untuk memperingatkan lagi pihak yang berkenaan, bukan saya seorang yang mesti bertanggungjawab dalam masalah ini tetapi juga akan dipertanggungjawabkan oleh setiap individu yang berkenaan sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa kemerosotan sukan negara kita yang dilanda kekalahan dengan begitu hebat sekali. Saya ingin tahu kenapa dan mengapa? Saya minta Kementerian berkenaan menjawabnya nanti di manakah puncanya dan sebab-sebabnya? Apakah yang kita dapat banggakan dengan sukan kita? Saya pun tak tahu, hendak kata apa yang hendak kita banggakan, dalam masalah ini.

Baru-baru ini pula wanita kita ada mempunyai kesatuan bolasepak. Untuk apakah wanita bermain bolasepak ini? Kenapa Kementerian tidak pernah mengambil pandangan dan fikiran daripada

alim-ulama Islam berkenaan dengan bola sepak wanita itu. Kalau dalam perkara lain ulama-ulama boleh diminta mengeluarkan fatwa, kenapakah dalam perkara wanita bermain bolasepak ini tidak pernah dicuba langsung, hanya semakin merebak dan semakin menjadi-jadi kegemaran dalam lapangan sukan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya faham peribahasa Arab ada menyatakan: Al-'aqlus-saliim fil-jismis-saliim. Ertinya akal yang sihat terletak dalam tubuh yang sihat. Sukan bagi wanita saya setuju tetapi biarlah sukan yang sesuai dengan sikap kewanitaan yang halus, lemah lembut budi bahasanya, gerak tubuh badannya dan langkah sikapnya. Jadi itulah saya ulangi kenapa dalam pasukan bolasepak wanita ini tidak pernah dihubungi ulama-ulama, maka cubalah bertanya fatwa-fatwa berkenaan ini supaya jangian ulama-ulama apabila sekali-sekali memberi penjelasan dalam soal jawab maka pihak ulama sahaja yang terkena beban ini, ambillah fatwa yang sebenarnya.

Untuk belia sebagai waris negara dan harapan bangsa dan negara di masa akan datang, saya mengharapkan Kementerian ini memperlengkapkan belia-belia kita kepada pembangunan dan kemajuan yang berlandaskan dan berunsurkan Islam sebab kita tahu bahawa Islamlah matlamat terakhir bagi kemajuan dunia di masa akan datang. Ini ternyata dari sejak permulaan abad Hijrah hingga abad Hijrah 15 sekarang ini.

Berpindah saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada B. 49 saya telah berkali-kali membuat teguran tetapi saya nampak tindakan ini masih tidak berkesan. Cuba perhatikan iaitu masalah kedutaan-kedutaan asing yang ada di dalam negeri ini. Berapa peratuskah bumiputera yang bertugas di situ? Mungkin hanya ada sedikit sekali, kakitangan yang sedikit sekali itu hanya di kedutaan-kedutaan negara Islam sahaja, yang lain itu masih terlalu amat kecil bilangannya, kalau pun ada. Sebab sampai hari ini sungutan itu masih sampai ke telinga saya bahawa di kedutaan yang lain itu amat kecil bilangannya. Kalaupun ada, itupun tidak diberi jawatan-jawatan penting, terutama di bahagian perdagangan. Kita tahu perkara ini amat

penting dan maha penting tetapi dalam bidang ini bumiputra amat kurang sekali terutama dalam perusahaan dan perniagaan.

Saya berpindah kepada B. 30. Perkara ini barangkali walaupun dipandang oleh pihak Kementerian yang berkenaan apa yang hendak saya perkatakan dengan ringkas ini tidak menasabah atau tidak sesuai atau dengan alasan yang berbagai-bagai tetapi saya adalah mengharapakan sesuai dengan kebangkitan abad Hijrah 15 sekarang ini yang mana pemuda-pemudi kita, para pelajar semua faham dari sekolah rendah sampai ke peringkat universiti dan sampai ke peringkat awam, maka sebab itu perkara ini saya suka menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat direkodkan iaitu apa yang saya hendak perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap banyak kerana dalam setiap ucapan Budget telah diperkatakan dengan panjang lebar dalam masalah pelajaran ini, tetapi apa yang saya perhatikan masih kurang sampai hari ini dan masih menjadi rungutan. Saya tujuan perkara ini kepada Kementerian Pelajaran iaitu perkara yang utama sekali ialah tempat sembahyang, di sekolah-sekolah yang jauh itu patutlah diadakan tempat sembahyang. Berilah sebuah bilik khas untuk tempat sembahyang kerana kita dapati guru-guru dan murid-murid yang datang dari jauh, susah hendak sembahyang. Apa lagi hendak tunaikan pada waktu yang sudah ditentukan dan dijadualkan, sedang sembahyang fardhu ini mereka tidak dapat tunaikan. Apabila tiba atau sampai di sekolah tidak ada tempat sembahyang sedangkan guru sebagai contoh kepada murid, serupa juga ibubapa kepada anak-anak, pemimpin kepada rakyat, tetapi hal ini tidak dapat dilaksanakan. Lebih-lebih lagi apa yang menyedihkan waktu sembahyang Fardhu Zuhur umpamanya, pada waktu itu murid dipanggil berbaris, urusan sembahyang tidak diingatkan khususnya bagi sekolah yang pelajar Islam terdapat ramai, tetapi berbaris dan menyanyikan lagu Negara-ku waktu pembukaan kelas petang dan sebagainya, tetapi sembahyang tercicir, masuk kelas dan sebagainya teruslah habis waktu sembahyang itu.

Jadi bagaimanakah kalau cakap tak serupa bikin ini berlaku selama-lamanya? Inilah yang teruk kita hadapi dan menjadi masalah di sekolah. Biarlah cakap kita sesuai dengan apa yang kita laksanakan. Jadi diharap dapat diambil perhatian benar. Walaupun perkara ini akan dijawab atau dinafikan oleh pihak Kementerian Pelajaran, tetapi kalau mahu report, banyak sekolah lagi yang saya sendiri membuat lawatan dan pergi menyiasat selalu mendapat sungutan meminta tempat sembahyang itu.

Perkara yang kedua, ini satu perubahan yang saya ingin minta walaupun pihak Kementerian mengatakan ini tak boleh kerana sekolah itu ramai pelajar yang terdiri daripada bukan pelajar beragama Islam. Kita boleh membuat sesuatu perkara dengan sesuatu kemajuan kalau yang sesuai, buatlah tempat yang sesuai. Apa yang saya hendak menyatakan dalam perkara kedua ini, saya ingin meminta supaya Kementerian Pelajaran mengadakan satu arahan dan perubahan besar kepada sekolah-sekolah yang sesuai dan boleh dilaksanakan iaitu tukarlah perkataan apabila guru masuk di kelas, yakni apabila diarahkan oleh ketua supaya bangun, anak murid pun bangun. Apa yang diucapkan: Selamat Pagi Cikgu! Selamat Petang Cikgu! Padahal kalau kita fikir-fikir, ucapan itu bukan meminta guru selamat, pagi itu yang selamat, cikgu biar matilah, pergilah dia, Cikgu itu pula menjawab: Selamat Pagi murid: Nampaknya seruan itu seolah-olah pagi itu yang selamat, murid biarlah tidak selamat biarlah bodoh dan sebagainya.

Jadi apabila difikirkan dalam masalah ini saya suka meminta kepada pihak Kementerian Pelajaran cubalah ubah perkataan "Selamat pagi, selamat petang" itu kerana sudah sampai masanya perkataan "Selamat pagi, selamat tengahari dan selamat petang itu diubah dengan perkataan: Assalamu'alaikum. Perkataan ini adalah perkataan yang berharga bukan perkataan yang hina kalau kita fahamkan makna lafaznya. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perkataan "Assalamu'alaikum maknanya Selamat sejahteralah atas kamu wahai guru. Guru pula menjawab: Wa'alaikum salam, warahmatullahi wabarakatuh. Maka ertinya selamat sejahteralah atas kamu wahai

pelajar-pelajar semua, seramai 40 orang di dalam kelas itu. Jadi doa demi mendoa, anak murid selamat, Cikgu selamat, negara selamat, rakyat selamat, pemimpin selamat dan semua selamat.

Inilah yang saya ingin menyentuh dalam masalah ini kalau dapat tukarlah segera kerana ini adalah lebih memberi erti yang besar, bermanfaat dan berfaedah kepada anak-anak kita di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perkara yang akhir sekali, saya juga hendak menyentuh dalam hal B. 38—Kementerian Kesihatan. Dalam hal ini saya tidak hendak menyentuh secara detail dan panjang lebar kerana saya pernah bercakap dalam beberapa perkara berkaitan. Ini adalah satu masalah penting, walaupun sama ada perkara ini melibatkan pihak Kerajaan Pusat atau terlibat dengan Kerajaan Negeri, itu terserahlah, hanya saya pandangkan apabila Kerajaan Pusat membuat tindakan demikian, negeri-negeri menyambut baik dalam hal ini.

Apa yang menyedihkan, yang hendak saya perkatakan iaitu ada beberapa perkara terutama satu perkara yang didapati sungguh menyedihkan, barangkali pihak Kementerian tidak sedar dan pihak rumah sakit di negeri-negeri tidak sedar dan pihak-pihak berkenaan tidak sedar sama ada benar atau tidak. Maka hari ini saya memperkatakan benda ini di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapatlah diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kesihatan iaitu dapatlah disediakan di tiap-tiap hospital yang berada di negeri-negeri iaitu dua orang untuk memandikan mayat orang Islam. Kerana baru-baru ini berlaku satu accident yang teruk berhampiran dengan Kuala Kangsar—habis mati yang terlibat kesemuanya 4 orang Islam, tiba-tiba mayat yang boleh dikejarkan ke Kuala Kangsar ke Taiping Tengah dan Kuala Kangsar. Tetapi yang malangnya bila warisnya datang daripada Pulau Pinang sampai ke Perak hendak mengambil mayat itu tetapi tidak boleh selesai kerana orang yang hendak memandikan tidak ada. Dijawab pihak yang berkenaan jenazah ini tidak boleh dibawa kerana sesuatu hal kita pun faham. Mereka mesti dimandikan dan dikapan, tetapi orang

tidak ada. Maka bila saya dapat tahu berlaku sedemikian, barangkali saya ingat satu dua sahaja hospital yang demikian, rupanya apabila saya berjalan ke Perak sama masalahnya, berjalan ke Pulau Pinang pun mempunyai masalah yang serupa, berjalan ke Kedah, Kedahpun mempunyai masalah yang sama.

Saya bila berjalan bukanlah berjalan sahaja, jadi nampaknya banyaklah masalah rumah sakit yang berhadapan dengan masalah ini. Jadi hendaklah disediakanlah tiap-tiap rumah sakit itu, kalau kita sudah dapat perbelanjaan budget yang banyak—tidak mahal, sagu hati orang khusus ada di dalam hospital itu untuk memandikan jenazah-jenazah yang berlaku accident yang dibawa ke rumah sakit. Ini penting dan mustahak kerana apa lagi zaman hari ini, zaman accident yang melanda teruk di dalam negara kita, entah kerana apa—9 sebuah kereta 4 orang, 6 orang mati sekali gus. Jadi inilah masalah yang saya pandang penting bagi mengakhiri dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan budget yang begitu banyak, walaupun banyak ingin saya sentuh, tetapi kerana benda yang sudah saya bercakap tidak berapa sedap hendak diulang lagi maka dicarikanlah benda yang belum itu supaya dapat dilaksanakan. Akhirnya diharap lagi sekali kepada pihak Kementerian yang saya sebutkan tadi dari awal sampai akhir, ambillah perhatian yang begitu segera mana perkara-perkara yang penting kerana masalah-masalah ini menjadi rungutan ramai, masakan hendak jumpa Menteri payah, hendak jumpa Timbalan Menteri pun payah. Jadi kepada kamilah Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang selalu membuat sungutan dan kamilah yang boleh menyuarakan, tetapi dalam membuat jawapan Soal Jawab Mulut atau jawapan dalam masa budget, janganlah dijawab dengan memandangkan benda ini enteng sahaja, rasailah penderitaan rakyat dalam segenap hal ini. Sekian, terima kasih.

5.44 ptg.

**Datuk Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih diberi peluang bagi saya untuk mengambil

bahagian di dalam perbincangan Belanjawan negara bagi tahun 1982, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada tanggal 9-12-1981.

Dari segi apa yang kita fahami bersama, bahawa tiap-tiap tahun kita mengadakan dan membincangkan perkara utama sekali ialah dalam masalah Belanjawan. Ini telah dilakukan sejak kita mendapat kemerdekaan negara kita pada tahun 1957, iaitu hampir suku abad yang mana kita telah memerdekakan negara kita di samping itu kita hendak mengisikan dari segi rakyat jelata yang telah memberikan tanggungjawabnya kepada Kerajaan kita sama ada di dalam Kerajaan Perikatan ataupun Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini.

Masalah utama, Tuan Yang di-Pertua, ialah peruntukan-peruntukan yang telah diberikan pada semua Kementerian-Kementerian ataupun bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada di Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sabah dan Sarawak sejauh manakah dapat kita memastikan dalam pelancaran, dan pengurusan dari segi pentadbiran Kerajaan yang telah kita wujudkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Petua, saya percaya kita juga telah mendengar daripada tahun demi tahun pandangan-pandangan dari segi Wakil Rakyat, dari segi Ahli-ahli Dewan Negara untuk membincangkan dalam segala masalah. Apa yang kita meragukan sejauh manakah prestasi ataupun keunggulan tanggungjawab yang telah diberikan kepada rakyat terhadap Kerajaan khususnya kepada jentera Kerajaan yang ada pada kita semua yang telah kita beri tanggungjawab kita sebagai pemimpin parti yang bertanggungjawab pada Kerajaan.

Kita dapat pastikan pada akhir-akhir ini banyak perkara-perkara yang telah diselewengkan dengan tidak berketentuan hala dari satu Kementerian ke satu Kementerian, daripada satu agensi ke satu

agensi Kerajaan yang melibatkan bukan ratus juta ringgit bahkan ribuan juta ringgit sudah diselewengkan, sudah disalahgunakan demi kepentingan pembangunan dan pengurusan Kerajaan khususnya dari segi mempertingkatkan kedudukan rakyat jelata di dalam negara kita ini.

Saya percaya bahawa kalaulah perkara ini berkekalan daripada tahun demi tahun, maka harapan pemimpin-pemimpin kita ataupun harapan rakyat yang telah memberikan mandat mereka pada Kerajaan kita ini tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang. Kita percaya bahawa tidak ada tanggungjawab sebagaimana yang dikatakan tanggungjawab, maka itulah membuatkan segala penyelewengan berlaku, kususnya daripada pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang setengah-setengahnya, saya percaya, kita pastikan bahawa mereka ini telah diberikan gaji yang begitu lumayan dan pangkat serta darjat yang tertinggi yang dianugerah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenangkan jasa-jasa mereka ini, tetapi kita berasa hairan macam manakah perkara-perkara ini boleh berlaku. Apakah sebab perkara-perkara ini berlaku? Adakah perkara ini sengaja dilakukan ataupun mereka ini hanya memastikan kedudukan mereka sendiri tanpa memikirkan tanggungjawab yang telah diberikan oleh Kerajaan sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Saya suka mengesyorkan atau seterusnya membuat cadangan pada Kerajaan kita supaya kita mengadakan watchdog committee dari tiap-tiap peringkat sama ada di peringkat Kementerian, di peringkat agensi-agensi Kerajaan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri yang kita memberikan sumbangan untuk membangunkan daripada negeri masing-masing supaya dapat kita memastikan segala pembangunan, segala pengurusan, dari segi pentadbiran dapat diselaraskan, dapat dipastikan segala-galanya berjalan dengan baik dan membuahkn sesuatu yang mana kita sama-sama mengharapkn supaya perkara itu tidak sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai Jawatankuasa Tindakan Negara, Jawatankuasa Tindakan Negeri, Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, ini semua adalah satu penyelarasan yang dibuat oleh Kerajaan yang memastikan segala peruntukan pembangunan dan projek-projek yang sebegitu dapat dijalankan dengan baik. Jadi oleh sebab Menteri-menteri kita ini terlalu sibuk demi kepentingan urusan mereka masing-masing maka kepada pegawai-pegawai kita yang mempunyai didikan yang lebih tinggi daripada Kementerian-kementerian itulah dipertanggungjawabkan.

Maka sudah sewajarnya bagi pihak Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Pengarah dan juga Setiausaha Kerajaan yang diberikan segala peruntukan sama ada dari segi kemudahan-kemudahan untuk menjalankan tugas mereka supaya dapat memastikan pelaksanaan dapat dicapai. Tetapi rasa saya perkara-perkara ini tinggal begitu sahaja. Setengah-setengah pegawai-pegawai tinggi kita memikirkan perkara ini dapat diambil berat oleh pihak-pihak bawahan dan pihak-pihak bawahan ini pula mengharapkan kepada pihak-pihak yang bawah lagi. Dengan cara itu rasa saya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna; kalau tidak dari peringkat tinggi memastikan segala perancangan, segala peruntukan, sama ada pembangunan dan projek-perjek yang disalurkan daripada Kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi Kerajaan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri dapat dipastikan ataupun dapat dikesan, kalau mereka ini benar-benar bertanggungjawab.

Saya mengharapkan supaya ratusan ribu juta duit dibelanja atau diperuntukkan, Kerajaan berhutang dari negara luar semata-mata untuk membangunkan negara kita dan untuk membangunkan rakyat jelata kita yang telah terhimpit, yang telah dijajah sejak berabad-abad yang lalu. Maka kita tidak hendak setakat kita telah mencapai kemerdekaan dalam suku abad maka suku abad akan datang begitu juga kedudukannya.

Ini berkemungkinan berlaku kalau tidak ada perubahan sikap daripada orang-orang yang telah kita pertanggungjawabkan. Jadi rakyat akan terpinga-pinga tertanya-tanya apakah projek-projek yang telah dirancang. Biasanya memakan masa daripada satu masa ke satu masa yang mana patut difikirkan wang peruntukan-peruntukan telah disediakan pada tahun ini, ringkasan anggaran belanjawan untuk kita memahami daripada buku yang begitu besar yang diubahsuai untuk memahami dari segi pembangunan anggaran belanjawan kita telah dibuat oleh Yang Berhormat Mulia kita untuk memastikan segala belanjawan itu dapat kita kesan apakah peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun agensi-agensinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat satu jalan sahaja yang dapat kita mengesankan, kita tidak hendak membuang masa kita, wang ringgit kita sedangkan kehidupan rakyat jelata begitu juga di takuk yang lama sebagaimana kita pastikan kita sudah isytiharkan pada tahun 1970 iaitu Dasar Ekonomi Baru dihidupkan untuk memperibadikan kedudukan bumiputera 30% sampai ke tahun 1990. Sejauh manakah yang dapat kita seimbangkan, cuba kita buat kajian dan analisa dengan secara perincian setakat mana yang telah kita sampaikan. Siapakah yang kita hendak persalahkan dalam masalah ini, adakah kita hendak mempersalahkan rakyat jelata kita atau hendak kita persalahkan Kerajaan kita yang telah membuat sesuatu di dalam Perlembagaan negara kita untuk membolehkan orang Melayu atau bumiputera menseimbangkan kedudukan mereka dengan kaum-kaum yang lain yang telah menjadikan diri mereka sebagai warganegara kita. Ini satu masalah yang besar, ini juga akan dipersoalkan oleh jenerasi kita yang akan datang. Apakah ganjaran yang tertentu bilamana kita telah mendapatkan kemerdekaan negara kita khususnya dalam masalah bumiputera?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kirakan ucapan, perbahasan sebagaimana yang telah dikatakan awal tadi, perbincangan demi perbincangan tetapi dari pihak

Kerajaan dan Kementerian yang biasanya kita pastikan bahawa persediaan jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri kita disediakan oleh pegawai-pegawai tinggi kita dan itulah jawapan-jawapan yang diberikan. Jadi itupun kita tidak ambil kira oleh sebab mereka ini setengah-setengahnya kita ambil perhatian yang serius bahawa apa yang telah diperkatakan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan kita dengan jawapan-jawapan Menteri-menteri kita itu. Tetapi ada setengah-setengah daripada Kementerian-kementerian yang tidak bertanggungjawab dari segi menjalankan tugas mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Itulah sebabnya saya mengatakan bahawa kita terpaksa mengadakan satu "Watchdog Committee" untuk menyelaraskan segala peruntukan, segala pembangunan, segala pengurusan daripada satu masa ke satu masa, misal kata kita adakan zoning areas. Kita adakan Wilayah Utara untuk memastikan bahawa di Negeri Perlis, Kedah ataupun di Perak supaya dibentuk satu Jawatankuasa Khas untuk memastikan segala Kementerian yang mempunyai Jabatan-jabatan mereka di dalam negeri-negeri itu dapat memastikan perlaksanaan yang telah dimajukan kepada Jabatan-jabatan mereka itu dapat diselaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam pengurusan ataupun kerja-kerja pembangunan yang sudah diperturunkan kepada Kementerian dan Jabatan-jabatan mereka di dalam negeri yang tersebut.

Selain daripada itu diwujudkan satu kawasan Wilayah Tengah yang meliputi Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan juga kawasan selatan Melaka, Negeri Sembilan, Johor; dan juga kawasan sebelah timur yang meliputi Trengganu, Pahang dan Kelantan. Dengan adanya komiti-komiti yang tertentu ini dapat kita memastikan sejauh manakah perlaksanaan dari segi pengurusan, dari segi pembangunan daripada zoning yang telah kita buat ini, dapat kita memastikan sejauh mana prestasi yang telah diusahakan ataupun yang telah diambil kirta oleh pihak-pihak Kerajaan negeri ataupun pihak-pihak yang tertentu yang telah diwajibkan untuk menjadi

komiti. Kita pastikan bahawa kita ada mempunyai Jawatankuasa Tindakan Negara, Jawatankuasa Tindakan Negeri tetapi ini tidak berkesan. Ada setengah-setengahnya sampai di peringkat daerah diwakilkan kepada pegawai-pegawai rendah dan pegawai-pegawai rendah ini tidak dapat memberi keputusan. Ini menimbulkan masalah yang mana kita pastikan banyak masalah timbul di peringkat-peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Hanya di Jawatankuasa Peringkat Negeri, Ketua-ketua Jabatan sama ada daripada Jabatan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat diwakilkan sendiri oleh ketua-ketua Jabatan yang berkenaan dan bagi pihak di daerah selalunya pegawai-pegawai yang berjawatan rendah yang tidak diberikan sepenuh tanggungjawab oleh sebab mereka ini adalah pegawai rendah.

Oleh sebab itu saya memikirkan perkara ini patut diubahsuaikan dimestikan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk diwakilkan di peringkat daerah supaya mereka ini dapat memberi pandangan yang muktamad sama ada boleh atau tidak boleh. Bila hendak bersidang Jawatankuasa Peringkat Daerah maka bulan depan dibawakan hendak dikemukakan kepada ketua jabatan masing-masing boleh atau tidak boleh ini baru hendak ditentukan. Ini memakan masa yang panjang. Apa yang saya hendakkan ialah urusan tegas, tindakan tegas supaya tidak berlengah-lengah masa sebab kita tidak dapat mengejar masa, duit kita terbuang, masapun kita tidak dapat menyelaraskan, ini merugikan pihak Kerajaan dan kepada rakyat yang mengharap-harapkan dari segi pentadbiran Kerajaan yang dikatakan Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian-kementerian yang telah diperuntukkan begitu banyak sekali kalau kita hendak kira macam Kementerian Kesihatan akhir-akhir ini kita lihat dalam akhbar-akhbar pesakit-pesakit yang hendak mengeluarkan rakyat yang baru tidur di atas lantai tanpa tempat tidur yang sempurna. Walaupun perkara ini ringan pada mata kita tetapi bila disuarakan dalam akhbar ini akan membuktikan bahawa satu kelemahan kita

dari segi pentadbiran dari segi kita untuk layanan pesakit-pesakit di dalam negara kita yang boleh dicemuhkan oleh pihak negara-negara luar dari segi pentadbiran kita dalam masalah itu. Itu satu masalah yang kita dapat pastikan.

Apa yang telah dibangkitkan oleh saudara-saudara saya daripada semalam sampai hari ini masalah-masalah agensi-agensi Kerajaan yang mana ratusan ribu juta ringgit daripada pihak SEDC yang sepatutnya menguntungkan tetapi merugikan dan sampai masa dan ketikanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita mengarah supaya agensi-agensi yang berkaitan yang merugikan kepada Kerajaan ditutup seterusnya. Ini semua adalah tanggungjawab daripada pihak pegawai-pegawai Kerajaan. Macam mana perkara ini? Kalau kita letakkan orang yang tak ada pengetahuan, tidak berkualiti boleh jadi kemungkinan kerugian itu timbul. Tetapi kebanyakan daripada orang-orang yang kita letakkan adalah orang-orang yang bertanggungjawab yang mempunyai ijazah yang tinggi supaya dapat memastikan keuntungan ataupun kebaikan dari segi pentadbiran Kerajaan, bukan hendak menghancurkan bagaimana yang kita telah pastikan sejak akhir-akhir ini dengan adanya pendedahan daripada Ketua Odit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Pelajaran juga banyak duit yang telah diperuntukkan. Dalam segi pra pelajaran atau Sekolah-sekolah Tadika ini saya mengesyorkan patutlah Kerajaan atau Kementerian ini mengambil alih sepenuhnya. Ada tadika-tadika yang dianjurkan oleh Risda, ada tadika-tadika yang dianjurkan oleh Kemas dan ada juga tadika ini yang dianjurkan oleh swasta. Ini mustahak kita pastikan supaya anak-anak kita dari kecil lagi telah diajar sebegitu rupa khususnya oleh tadika pihak swasta. Apakah salahnya Kementerian mengambil alih dalam masalah pra persekolahan ini. Mengapa tidak kita uruskan. Ini mustahak oleh sebab kita hendak membimbing anak-anak kita daripada kecil membawa kepada institusi-institusi tinggi yang telah kita peruntukkan, sama ada di luar negeri atau di dalam negara

kita. Kenapa kita tidak mengambil tanggungjawab dalam masalah sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ini juga telah dipercakapkan atau telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya dalam masalah perumahan. Masalah perumahan ini cukup penting dan sudahkah Kerajaan atau Kementerian ini memastikan atau membuat satu kajian dari masa ke semasa dan membuat anggaran yang tertentu bukan sahaja dalam peringkat Rancangan Malaysia Keempat bahkan mesti dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam. Saya percaya keyakinan yang besar bahawa Kerajaan kita insya-Allah akan kekal selagi kita memberikan sesuatu kepada rakyat jelata

Dalam masalah perumahan ini sudah semestinya bagi pihak Kementerian Perumahan ini yang telah diperuntukan wang yang sebegitu lumayan sekali dan diberikan pula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dari segi Kerajaan Pusat tidak bertanggungjawab dalam masalah tanah di peringkat negeri. Walaupun tidak bertanggungjawab rasa saya mesti ada penyelarasan yang tertentu dalam masalah kepentingan rakyat jelata dalam negara kita ini, supaya dalam masalah tanah-tanah yang ada di peringkat negeri ini hendaklah dibayangkan kepada Kementerian Pusat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat diselaraskan dengan adanya tanah Kerajaan Negeri maka dengan adanya datangnya pinjaman daripada Kerajaan Pusat maka dapat diubahsuaiakan dibentukkan secara mana dengan perundingan supaya tidak diberi dengan joint venture atau dengan usahasama daripada Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat yang tertentu untuk membangunkan dari segi projek perumahan. Ini yang banyak berlaku. Oleh sebab peruntukan dan Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rakyat jelata kita mempunyai rumah yang selesa supaya mereka ini dapat hidup dengan sempurna sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan Pusat ataupun Kabinet kita supaya memastikan bahawa penyelarasan wujud di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan

juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya dapat kita memastikan penentuan perumahan itu dapat terbukti dan nyata benar-benar Kerajaan bersimpati kepada rakyat yang tidak mempunyai rumah.

Kita pernah dengar bila dipersoal dalam masalah perumahan ini Menteri yang bertanggungjawab mengatakan kita tidak bertanggungjawab dalam masalah tanah oleh sebab tanah adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Ini tidak berkemungkinan kita menyatakan begitu oleh sebab ini adalah tanggungjawab kita bersama. Tanggungjawab Kerajaan Pusat ialah memastikan pembangunan Kerajaan Negeri; kalau tidak rakyat akan bertanya apakah tindakan Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri dan apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam masalah membangunkan dari segi rakyat-jelata di dalam negeri kita ini. Kalau tiada penyelarasan, tiada persefahaman yang sebegitu rupa ini sia-sia belaka walaupun diperuntukan beribu-ribu juta ringgit yang telah kita bahaskan tahun demi tahun tetapi kedudukan begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah-masalah yang kalau kita hendak ambil kira berbalik juga kita tidak lain dan tidak bukan ialah tanggungjawab-tanggungjawab Kerajaan, tanggungjawab pegawai Kerajaan, tanggungjawab rakyat dan begitulah sebaliknya.

Jadi bagi pihak rakyat sudah tentulah mengharap-harapkan pada Kerajaan oleh sebab mereka ini memberikan mandat kepada Kerajaan oleh sebab Kerajaan kita mengamalkan demokrasi berparlimen pada tiap-tiap lima tahun kita mengadakan pilihanraya umumnya untuk mendapatkan mandat baru. Tetapi di situlah kita memastikan bahawa segala-galanya dapat kita merancang dalam satu-satu perkara bila mana mandat telah didapati oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah-masalah yang patut kita mengkaji semula, mengkaji dan membaiki sama ada dari segi peringkat kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi Kerajaan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Pusat

bertanggungjawab kepada Kerajaan-kerajaan Negeri disebabkan kita memberikan bantuan-bantuan yang khusus kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kalau tidak Kerajaan Negeri tidak dapat melaksanakan pembangunan oleh sebab mereka tidak mempunyai hasil yang cukup. Misal kata di Negeri Melaka sahaja, kita tidak mempunyai hasil yang lumayan sepertimana di Terengganu, sepertimana di Perak, sebagaimana di Selangor dan sebagaimana di Johor. Semata-mata kita mendapatkan hasil negeri itu yang tidak mencukupi untuk dibelanjakan dari satu masa ke satu masa. Jadi dengan adanya peruntukan-peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat itu dapatlah kita memastikan bahawa penyelarasan ataupun Kerajaan Negeri dapat menjalankan tugas mereka untuk kepentingan rakyat jelata kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Akta Kerajaan Tempatan yang mana telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh sebab Kerajaan telah mewujudkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan biasanya kita pastikan sebahagian daripada wang-wang yang diperuntukkan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini khususnya diberikan dengan berleluasa dengan begitu lumayan sekali kepada Kampung-kampung Baru di seluruh negara kita ini. Apakah kesudahannya kampung-kampung yang berhampiran dengan Kampung-kampung Baru? Ini juga dipersoalkan. Kenapa tidak kita selaraskan. Jangan kita hendak kirakan Kampung Baru kita adakan satu peruntukan yang sebegitu lumayan sedangkan kampung-kampung yang lain tidak sebegitu. Ini juga satu persoalan yang telah dipersoalkan oleh sebab mereka ini tinggal berhampiran di antara satu dengan lain.

Kemudian dalam masalah pemberian tahunan (launching grant) ataupun grant yang diperuntukkan kepada Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah Luar Bandar yang mana rasa saya tidak mencukupi oleh sebab kedudukan Majlis-majlis Perbandaran itu sendiri tidak mempunyai

wang yang cukup untuk membiayai dari segi pentadbiran ataupun pengurusan. Dan begitu juga rasa saya dari segi pentadbiran ataupun pengurusan dari segi Majlis-majlis Luar Bandar.

Oleh sebab tanggungjawab ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat, dan banyak juga rakyat yang menduduki di dalam kawasan-kawasan Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Luar Bandar, sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan ataupun Kementerian ini memperuntukkan peruntukan yang lebih supaya membolehkan Majlis-majlis Tempatan ini dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna. Kalau tidak, rasa saya tinggal begitu sahaja. Cuba kita pastikan, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah di dalam Negeri Melaka.

Pada mulanya, Majlis Perbandaran Kota Melaka dia mempunyai empat batu persegi sahaja luasnya. Bila diwujudkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang diminta semua Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah Luar Bandar menerima Akta Kerajaan Tempatan itu maka menjadi satu percantuman di antara Majlis Daerah Luar Bandar Melaka Tengah dengan Majlis Perbandaran Kota Melaka yang meliputi lebihkurang 117 batu persegi. Ini pernah dicakapkan di dalam Dewan yang mulia ini dan meliputi dua kawasan Parlimen iaitu Kawasan Parlimen Kota Melaka dan Kawasan Parlimen Batu Berendam dan 10 buah Kawasan pilihanraya Negeri, lima di Kawasan Parlimen Kota Melaka dan lima di Kawasan Parlimen Batu Berendam dan rakyat jelata yang duduk di kedua-dua kawasan Parlimen ini lebihkurang dalam 70,000 orang dan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan ataupun melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini hanya \$1.5 juta sahaja bantuan tahunan.

Dengan keluasan yang sebegitu rupa bila percantuman diwujudkan pada tahun 1977 sewajarnya bagi pihak Kerajaan kita menolong Majlis-majlis Perbandaran ini supaya dapat meningkatkan lagi dari segi pengurusan, dari segi pentadbiran dengan meramaikan pegawai-pegawai walaupun

diminta beberapa kali kepada Kerajaan ataupun Kerajaan Negeri menyalurkan kepada Jabatan Perusahaan Awam tetapi jawabnya tipis sahaja. Pergi balik, pergi balik, di situ juga kedudukannya. Jadi macam mana hendak ditadbirkan bila satu kawasan empat batu persegi kemudian dijadikan 117 batu persegi, kakitangannya banyak itu juga, pertambahan tidak ada. Saya tidak fikir dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kita yang telah dipertanggungjawabkan pada masa yang telah lampau jikalau hendak dibandingkan dengan keluasan yang ada pada hari ini.

Jadi ini semua, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah diperhatikan dengan serius supaya memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku dan dari segi pentadbiran dapat dijalankan dengan baik, kemudian rakyat jelata bangga kepada Akta Kerajaan Tempatan yang telah diwujudkan di seluruh negara kita hari ini. Tetapi apabila hendak mewujudkan Akta Kerajaan Tempatan diarah masing-masing punya Majlis-majlis Tempatan. Bila sudah diselaraskan, kalau hendak diberi bantuan pun jangan tidak. Serupa dikatakan perumpamaan Melayu 'melepaskan batuk di tangga sahaja'. Jadi sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan memastikan segala-gala projek pembangunan, segala-gala pengurusan ini dapat dipastikan dengan kemas dan teratur supaya perlaksanaan itu dapat dijalankan terus menerus supaya tidak dibangkit-bangkitkan berulang-ulang dalam segala masalah yang telah diperbangkitkan daripada satu masa ke satu masa.

Jadi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan era baru yang mana 2M kita, Mahathir—Musa ini, dapat mengembelikan tenaga khususnya bagi seluruh kakitangan Kerajaan kita sama ada di peringkat atasan ataupun di peringkat bawahan supaya benar-benar bertanggungjawab untuk dapat memastikan dan harapan Kerajaan semata-mata di tangan kakitangan-kakitangan Kerajaan kita.

Bagi kita orang politik hanya membuat dasar Kerajaan dan implimentasikan ataupun diusahakan oleh pihak kakitangan Kerajaan—pegawai-pegawai tinggi Kerajaan

kita. Kalau tidak mereka ini mengambil tanggungjawab dengan sepenuhnya, saya rasa perkara-perkara ini kekal begitu sahaja dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah harapan rakyat, harapan kita semua yang cinta negara kita yang tidak ada tempat lain kita hendak pergi walaupun kita hendak membangunkan rakyat bumiputra ini sering diperkatakan oleh orang-orang yang tertentu sama ada sahabat ataupun bukan sahabat tetapi dari segi ketegasan Kerajaan untuk menolong orang bumiputra ini hendaklah dipereratkan lagi—dipereratkan semata-mata ialah dengan kewibawaan khususnya pegawai-pegawai Kerajaan kita. Bukanlah semuanya pegawai-pegawai Kerajaan kita apa yang kita maksudkan tidak menjalankan tugas mereka, saya rasa tidak ada pegawai-pegawai Kerajaan kita, Kerajaan tidak dapat melaksanakan tugasnya sebagaimana yang telah kita pastikan bersama. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang benar-benar bertanggungjawab demi kepentingan rakyat dan Kerajaan kita yang mana kita pastikan Kerajaan kita adalah berjiwa rakyat. Kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini lebih baik berhentilah terus, jangan membuang masa Kerajaan, mengambil imbuhan dan kita pastikan dengan ketegasan Kerajaan kita pada hari ini bahawa apa yang dikehendaki oleh kedua-dua pemimpin besar kita ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya supaya dapat diambil perhatian di dalam pelaksanaan dari segi pengurusan dan pembangunan apa yang telah dirancang oleh Kerajaan dalam masalah kepentingan rakyat khususnya di dalam negara yang kita tercinta ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

6.24 ptg.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Belanjawan tahun 1982 sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan yang dibacakan oleh Timbalannya di dalam Dewan ini pada 9hb yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada amnya adalah menyokong apa yang dikemukakan di dalam Belanjawan ini kerana setelah saya membaca maka saya dapati Belanjawan yang dikemukakan ini adalah benar-benar memberi faedah kepada rakyat di dalam negara kita sama ada rakyat golongan rendah, pertengahan sampai kepada setinggi-tingginya. Dan di dalam Belanjawan ini telah dijelaskan satu persatunya segala perbelanjaan-perbelanjaan yang dikemukakan itu yang berjumlah kesemuanya \$31,957 juta dan daripada sejumlah ini \$3,258 juta diperuntukkan kepada pelajaran. Begitulah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada tiap-tiap tahun mengemukakan Belanjawan di dalam kedua-kedua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk diluluskan dan untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang boleh dibahaskan di dalam Belanjawan ini tetapi saya juga bimbang barangkali kalau saya menyebut terlampau banyak kerana saya ini di hari yang pertengahan, ramai di antara rakan-rakan saya yang akan berucap lagi. Kalau diberi peluang kepada saya pada hari yang pertama atau kedua, lainlah halnya, tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana biasa, saya cubalah menyebut sama ada Tuan Yang di-Pertua hendak terima, tidak terima, itu hak Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Hak saya sebagai Senator di sini terpaksa

bercakap dan mengemukakan pendapat saya sama ada pendapat saya ini diterima ataupun tidak, itu terpulanglah kepada Kementerian masing-masing, sama ada pahit atau manis, itu pun juga terpulang kepada mereka.

Di dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama, Yang Kedua, Yang Ketiga, sangatlah banyak wang diperuntukkan kerana pembangunan negara seperti membuat sekolah-sekolah, jalanraya-jalanraya dan lain-lain projek. Tetapi bagaimana biasa projek-projek yang dirancangan itu banyak yang menemui kegagalan dengan bermacam-macam sebab. Lebih-lebih lagi kegagalannya ialah disebabkan oleh Kementerian Kerjaraya dikatakan dengan sebab tidak terdaya, dengan sebab tidak ada pemborong-pemborong ataupun kontraktor-kontraktor dan sebagainya dan dibawalah mana-mana projek yang gagal ataupun tidak sempurna itu kepada Rancangan Malaysia yang kemudian daripada ini. Yang anihnya . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari Isnin, 14hb Disember, 1981.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 14hb Disember, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*